

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

PERINTAH DARURAT (UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM), 1999

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Naskhah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.
4. Pengecualian hak mutlak.
5. Pengenaan.
6. Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu orang Islam.
7. Perkahwinan yang masih berterusan hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Perintah ini dan boleh dibubarkan hanya di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN II

PERKAHWINAN

8. Orang yang boleh mengakadnikahkan perkahwinan.
9. Pertalian yang melarang perkahwinan.
10. Perkahwinan tidak sah.
11. Perkahwinan yang tidak boleh didaftarkan.
12. Persetujuan dikehendaki.
13. Perkahwinan seseorang perempuan.
14. Pertunangan.

15. Kebenaran berkahwin.
16. Mengeluarkan kebenaran berkahwin.
17. Rujukan kepada dan tindakan oleh Hakim Syar'ie.
18. Kebenaran berkahwin di luar negara.
19. Tempat perkahwinan.
20. *Mas kahwin, belanja dan pemberian.*
21. Catatan dalam Daftar Perkahwinan.
22. Sijil Nikah, Kad Nikah dan Sijil Ta'liq.
23. Poligami.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PERKAHWINAN

24. Pendaftaran.
25. Melaporkan perkahwinan yang tidak sah.
26. Perlantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan *Jurunikah*.
27. Daftar dan buku-buku hendaklah disimpan mengenai semua perkahwinan.
28. Salinan-salinan catatan hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar.
29. Pendaftaran perkahwinan luar negara bagi warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
30. Daftar yang tidak diakui di sisi undang-undang.
31. Pendaftaran sukarela perkahwinan orang Islam yang diakad-nikahkan dahulunya di bawah sebarang undang-undang.
32. Kesan pendaftaran di sisi undang-undang.

BAHAGIAN IV

HUKUMAN DAN PERUNTUKAN RAMPAIAN BERHUBUNG DENGAN AKAD NIKAH DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

33. Tidak hadir di hadapan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan.
34. *Jurunikh* melanggar peruntukan bab 15.
35. Gangguan terhadap perkahwinan.
36. Akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan kebenaran berkahwin.
37. Mengakadnikahkan perkahwinan dengan tiada kebenaran.
38. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan.
39. Kebenaran untuk mendakwa.

BAHAGIAN V

PEMBUBARAN PERKAHWINAN

40. Pembatalan pernikahan.
41. Takat kuasa untuk membuat sesuatu perintah.
42. Perceraian dengan *talaq* atau dengan perintah.
43. Cerai kerana *syiqaq* dan melantik *Hakam* sebagai timbangtara.
44. Perintah untuk membubarkan perkahwinan kerana *dharar*.
45. Perceraian di bawah *ta'liq*.
46. Perintah untuk membubarkan perkahwinan secara *fasakh*.
47. Pertukaran agama.
48. *Cerai tebus talaq*.
49. Perceraian secara *li'an*.
50. Perceraian secara *ila*.
51. Perceraian secara *zihar*.

52. *Ruju'*.
53. Andaian mati.
54. Penyenggaraan Daftar Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'*.
55. Pendaftaran perceraian di luar Mahkamah.
56. Perintah perceraian tidaklah boleh didaftarkan melainkan jika perintah muktamad telah dibuat.
57. Pemberian sagu hati kepada perempuan.
58. Hak terhadap *mas kahwin* dan sebagainya tidak akan terjejas.
59. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembahagian *harta sepencarian*.
60. Memohon perintah mengenai pembahagian *harta sepencarian*.

BAHAGIAN VI

NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN

61. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan nafkah bagi isteri dan kesan *nusyuz*.
62. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan nafkah bagi orang-orang tertentu.
63. Penaksiran nafkah.
64. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan cagaran diberi bagi nafkah.
65. Penyelesaian nafkah.
66. Lama tempoh perintah nafkah.
67. Hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian.
68. Kuasa Mahkamah untuk mengubah perintah nafkah.
69. Kuasa Mahkamah untuk mengubah perjanjian nafkah.
70. Nafkah yang kena dibayar di bawah perintah Mahkamah tidak boleh dipindahkan hak miliknya.

71. Menuntut tunggakan nafkah.
72. Nafkah isteri dan kehadiran di Mahkamah.
73. Nafkah sementara.
74. Hak tempat tinggal.
75. Kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak.
76. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan nafkah bagi kanak-kanak.
77. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan cagaran bagi nafkah seseorang kanak-kanak.
78. Kuasa Mahkamah untuk mengubah atau membatalkan perintah bagi penjagaan atau nafkah seseorang kanak-kanak.
79. Kuasa Mahkamah untuk mengubah perjanjian berhubung dengan penjagaan atau nafkah seseorang kanak-kanak.
80. Menuntut tunggakan nafkah seseorang kanak-kanak.
81. Kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga.
82. Tempoh perintah bagi nafkah seseorang kanak-kanak.
83. Kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang tidak sah taraf.
84. Kuasa Mahkamah untuk membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga.
85. Jenis perintah tahanan pendapatan tenaga.
86. Kesan perintah tahanan pendapatan tenaga.
87. Kewajipan pihak kena tuntut dan majikan supaya mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga.

BAHAGIAN VII

PENJAGAAN

Penjagaan (*hadanah*) kanak-kanak

88. Orang-orang yang berhak menjaga seseorang kanak-kanak belum *mumaiyiz*.
89. Kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan.
90. Bagaimana hak penjagaan hilang.
91. Cara penjagaan.
92. Penjagaan kanak-kanak tidak sah taraf.
93. Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah penjagaan.
94. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat.

Penjagaan Orang dan Harta

95. Orang-orang yang berhak terhadap penjagaan.
96. Kuasa ke atas harta tak alih dan harta alih.
97. Perlantikan penjaga-penjaga oleh Mahkamah.
98. Perlantikan ibu sebagai penjaga melalui wasiat.
99. Penjaga bersama dengan ibu.
100. Perubahan kuasa penjaga harta.
101. Pemberhentian penjaga.
102. Had kuasa bagi penjaga yang dilantik oleh Mahkamah.
103. Penjaga tidak boleh memberi akuan penyelesaian mengenai harta modal.
104. Penjaga boleh menanggung kanak-kanak yang belum cukup umur dari pendapatan.
105. Perintah khas dalam hal harta.
106. Permohonan untuk meminta pendapat dan sebagainya.

107. Perintah larangan oleh Mahkamah.
108. Penjaga bagi anak yatim.
109. Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang nasihat pegawai-pegawai kebijakan dan sebagainya.
110. Kuasa Mahkamah untuk menghalang kanak-kanak di bawa keluar dari Negara Brunei Darussalam.

Relief-Relief Lain

111. Kuasa Mahkamah untuk mengenepikan dan menahan pelupusan-pelupusan yang dimaksudkan untuk menggagalkan tuntutan-tuntutan nafkah.
112. Tegahan terhadap gangguan.

BAHAGIAN VIII

RAMPAIAN

Perintah Kesahteraan Anak

113. Orang yang dikaitkan sebagai bapa.
114. Kelahiran lebih daripada empat tahun selepas pembubaran perkahwinan.
115. Persetubuhan *syubhah*.
116. Syarat-syarat bagi pengakuan yang sah.
117. Anggapan dari pengakuan boleh dipatahkan.
118. Pengakuan oleh perempuan yang berkahwin atau yang sedang dalam '*iddah*'.
119. Mengakui orang lain sebagai ibu atau bapa.
120. Pengakuan tidak boleh dibatalkan.

Perintah Supaya Hidup Bersama Semula

121. Permohonan untuk hidup bersama semula.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rayuan

122. Rayuan.

BAHAGIAN IX

HUKUMAN

123. Poligami tanpa kebenaran Mahkamah.
124. Perceraian di luar Mahkamah tanpa kebenaran Mahkamah.
125. Tidak membuat laporan.
126. Laporan palsu.
127. Meninggalkan suami atau isteri.
128. Menganiaya suami atau isteri.
129. Tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri.
130. Isteri tidak taat.
131. Jadi murtad untuk membatalkan perkahwinan.
132. Bersekedudukan semula di antara orang-orang yang bercerai.
133. Kegagalan dengan sengaja untuk mematuhi perintah.
134. Penghinaan terhadap Mahkamah.
135. Perkahwinan dengan melanggar Perintah ini.
136. Hukuman kerana tidak mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga, dsb.
137. Gagal melaksanakan perjanjian.
138. Percubaan dan persubahatan.
139. Hukuman yang tidak diperuntukkan.

BAHAGIAN X

AM

140. Membetulkan kesilapan-kesilapan.

141. Pemeriksaan daftar dan indeks.
142. Bukti.
143. Kuasa untuk membuat aturan-aturan.
144. *Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan.
145. Pengecualian.
146. Pemansuhan.
147. Pindaan bab 5 dari Penggal 124.

JADUAL.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran,
permulaan
kuatkuasa dan
gelaran
panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh atau tarikh-tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan di bawah ceraian (1) bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan bagi peruntukan yang sama.

(3) Gelaran panjang Perintah adalah "Suatu Perintah bagi menggubal peruntukan-peruntukan tertentu mengenai undang-undang keluarga Islam berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan perkara-perkara lain berhubung dengan kehidupan keluarga".

Tafsiran. 2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

Penggal 77. "Akta" bermakna Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi;

- ✓ "bermastautin" bermakna tinggal tetap atau lazimnya tinggal dalam sesuatu kawasan yang tertentu;
- ✓ "bermukim" bermakna tinggal di suatu tempat dengan tiada berniat untuk *bermastautin* sedangkan ia bukan juga seorang musafir;

- ✓ "dharar Syar'ie" bermakna bahaya ke atas seseorang mengenai agama, nyawa, nasab, tubuh badan, kehormatan, akal fikiran atau harta mengikut kebiasaan yang diakui oleh *Hukum Syara'*;
- ✓ "faraq" bermakna perpisahan antara suami dengan isterinya sama ada sementara atau selama-lamanya;
- ✓ "fasakh" bermakna pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu hal keadaan yang diharuskan oleh *Hukum Syara'* mengikut bab 46;
- ✓ "Hadd" bermakna sesuatu hukuman jenayah atau siksaan yang telah ditetapkan oleh Al-Quran atau Sunnah Rasullullah S.A.W.;
- "Hakim" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dari Perintah Darurat Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998 dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie; S 37/98.
- "Hakim Syar'ie" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dari Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998 dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie; S 37/98.
- ✓ "*Hukum Syara'*" bermakna hukum-hukum menurut mana-mana *mazhab* yang sah pada pendapat Mahkamah;
- ✓ "*harta sepencarian*" bermakna harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh *Hukum Syara'*;
- ✓ "*iddah*" bermakna tempoh atau masa bagi seseorang perempuan ditegah bernikah mengikut *Hukum Syara'*;
- ✓ "*ila*" bermakna sumpah dengan nama Allah atau salah satu dari sifat-sifat zatnya yang dilafazkan oleh seseorang suami bahawa ia tidak akan melakukan persetubuhan dengan isterinya dengan tidak menyebut tempoh atau bagi tempoh empat bulan atau lebih;
- ✓ "*iwadh*" bermakna gantian;
- "*janda*" bermakna seorang perempuan yang telah bercerai sama ada telah bersetubuh atau belum;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

S 37/98.

✓ "jurunakah" bermakna seseorang yang dilantik mengikut bab 26 untuk menjalankan sesuatu akad nikah di bawah Perintah ini; ✓

✓ "kaffarah" bermakna hukuman yang dikenakan ke atas suami yang melakukan *zihar* ke atas isterinya; ✓

"kanak-kanak yang belum cukup umur" bermakna seorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun *qamariah* bagi maksud penjagaan ke atas diri dan harta;

✓ "Ketua Hakim Syar'ie" bermakna Ketua Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab 8(1) dari Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998;

✓ "Ketua Pendakwa Syar'ie" bermakna mana-mana pegawai yang dilantik dan diberi kuasa untuk menentukan semua tindakan pendakwaan dalam mana-mana Mahkamah menurut peruntukan Perintah ini; ✓

✓ "khulu" bermakna memutuskan nikah dengan bayaran oleh isteri kepada suami dengan persetujuan kedua-dua pihak atau dengan perintah Mahkamah; ✓

✓ "kinayah" bermakna lafadz yang tidak jelas dan samar maksudnya kecuali disertakan dengan *qarinah* atau niat; ✓

✓ "li'an" bermakna suatu tuduhan zina secara bersumpah menurut *Hukum Syara'* yang dibuat oleh seorang suami terhadap isterinya manakala isterinya pula dengan secara bersumpah menurut *Hukum Syara'* menolak tuduhan itu, yang mana tuduhan itu dan penolakannya adalah dibuat di hadapan Hakim dengan menyebutkan kata-kata yang menurut *Hukum Syara'* cukup untuk membuktikan *li'an*; ✓

S 37/98.

✓ "Mahkamah" bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) dari Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998;

Penggal 77.

✓ "Majlis" bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta; ✓

✓ "mas kahwin" bermakna sesuatu yang wajib diberi oleh suami kepada isteri disebabkan akad nikah mengikut *Hukum Syara'*; ✓

- ✓ "Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Ugama;
- ✓ "mumaiyiz" bermakna seseorang kanak-kanak yang mampu membezakan di antara sesuatu perkara;
- ✓ "mut'ah" bermakna pemberian yang wajib ke atas suami kepada jandanya mengikut *Hukum Syara'*;
- ✓ "nasab" bermakna keturunan yang berdasarkan pertalian darah yang sah;
- ✓ "nafkah" bermakna perbelanjaan yang wajib mengenai makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi isteri, anak-anak, janda dan orang-orang lain di bawah tanggungan seorang suami atau bekas suami dan mana-mana orang termasuk ibu bapa dan bapa angkat mengikut *Hukum Syara'*;
- ✓ "nusyuz" bermakna suatu tindakan isteri terhadap suaminya yang dianggap derhaka mengikut *Hukum Syara'*;
- ✓ "pemberian" bermakna pemberian yang berupa wang tunai atau harta yang diberi oleh suami kepada isteri dalam masa perkahwinan;
- ✓ "Pendaftar" bermakna Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam yang dilantik di bawah bab 26 dan termasuk Ketua Pendaftar dan Timbalan Pendaftar;
- ✓ "pendapatan tenaga" berhubung dengan seorang pihak kena tuntut, bermakna apa-apa wang yang kena dibayar —
 - (a) secara upah atau gaji, termasuklah mana-mana bayaran, bonus, komisen, gaji lebih masa atau lain-lain ganjaran yang kena dibayar sebagai tambahan kepada upah atau gaji oleh yang membayar upah atau gaji atau yang kena dibayar di bawah suatu kontrak perkhidmatan;
 - (b) secara pencen, termasuklah ganjaran dan sesuatu anuiti mengenai perkhidmatan-perkhidmatan lalu, sama ada perkhidmatan-perkhidmatan itu untuk orang yang membayar anuiti itu atau bukan dan termasuklah pembayaran-pembayaran berkala secara pampasan oleh kerana kehilangan, penghapusan atau pelepasan, atau apa-apa pengurangan gajian, mana-mana jawatan atau pekerjaan;

- "persetubuhan *syubhah*" bermakna persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad nikah itu tidak sah (*fasid*) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuk mana-mana persetubuhan yang tidak dikenakan hukuman *Hadd* dalam Islam;
- "*qarabah qarib*" bermakna hubungan kekeluargaan yang mempunyai pertalian *nasab* yang terdekat;
- "*ruju'*" bermakna perkembalian seorang perempuan yang *ditalaq* oleh suaminya bukan secara *baain* kepada nikah asal dengan tidak memerlukan akad baru;
- "*sarih*" bermakna lafaz yang terang dan pasti, tidak ada kesamaran di dalamnya;
- "*sesusuan*" bermakna penyusuan kanak-kanak dengan perempuan yang bukan ibu kandungnya sekurang-kurangnya sebanyak lima kali yang mengenyangkan dalam masa umurnya dua tahun ke bawah mengikut tahun *qamariah*;
- "*talaq baain*" bermakna *talaq* yang tidak boleh diruju' melainkan dengan akad nikah yang baru;
- "*talaq raj'ie*" bermakna perceraian dengan satu atau dua *talaq* yang mana tidak diikuti dengan habis *'iddah*;
- "*ta'liq*" bermakna lafaz perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut *Hukum Syara'*;
- "tidak sah taraf" bermakna anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan *syubhah*;
- "*wali nasab*" bermakna seseorang yang sah mengikut *Hukum Syara'* menjadi *wali* bagi mengahwinkan seseorang perempuan kerana hubungan keturunan yang berdasarkan pertalian darah mengikut *Hukum Syara'*;
- "*wali Hakim*" bermakna *jurunikhah* yang ditauliahkan dengan tauliah am oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menikahkan perempuan mengikut *Hukum Syara'*;
- "*zihar*" bermakna perbuatan seseorang suami menyamakan isterinya dengan belakang atau mana-mana anggota ibu atau *muhrimnya*.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Perintah ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am hendaklah masing-masing mempunyai makna yang sama yang ditentukan kepadanya setakat yang ia tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'*.

Penggal 4.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada bentuk skrip bahasa Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

Jadual.

(4) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda, memotong daripada atau menambah kepada Jadual itu.

Jadual.

(5) Sebutan dalam Perintah ini kepada tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini adalah kepada tarikh permulaan kuatkuasa peruntukan-peruntukan substantif utama Perintah ini.

3. Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul tentang maksud atau kehendak sesuatu peruntukan di bawah Perintah ini, naskhah bahasa Melayu adalah terpakai.

Naskhah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.

4. Tiada sebarang apa pun yang terkandung di dalam Perintah ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak mutlak dan kuasakuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Ketua Ugama bagi Negara Brunei Darussalam.

Pengecualian hak mutlak.

5. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang berlawanan, Perintah ini hendaklah dikenakan dalam sebarang hal di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam dan sekurang-kurangnya salah satu pihak, sama ada atau tidak dia menganut ugama Islam, *bermukim* di dalam negara ini atau *bermastaun* di dalam negara ini tetapi *bermukim* di luar negara.

Pengenaan.

(2) Bagi mengelakkan sebarang keraguan adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tiada Mahkamah selain dari sesebuah Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II bagi Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998 mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam dan yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang berbangkit di dalam Perintah ini.

S 37/98.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kriteria bagi memutuskan sama ada seseorang itu orang Islam.

Perkahwinan yang masih berterusan hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Perintah ini dan boleh dibubarkan hanya di bawah Perintah ini.

6. Jika bagi maksud-maksud Perintah ini sebarang persoalan timbul tentang sama ada seseorang itu orang Islam, persoalan itu hendaklah diputuskan mengikut kriteria reputasi am, tanpa membuat apa-apa percubaan untuk mempersoalkan keimanan, kepercayaan, kelakuan, perangai, watak atau kemungkiran orang itu.

7. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menjelaskan sahnya sesuatu perkahwinan Islam yang telah diakadnikahkan di bawah sebarang undang-undang di mana-mana jua pun sebelum tarikh Perintah ini mula dikuatkuasakan.

(2) Perkahwinan sedemikian, jika sah di bawah undang-undang yang di bawahnya ia telah diakadnikahkan, hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Perintah ini.

(3) Tiap-tiap perkahwinan sedemikian, melainkan jika tidak diakui di bawah undang-undang yang di bawahnya ia telah diakadnikahkan, hendaklah berterusan sehingga dibubarkan —

(a) dengan kematian salah seorang daripada pihak-pihak yang berkahwin itu;

(b) dengan *talaq* sebagaimana yang mungkin dilafazkan di bawah Perintah ini;

(c) dengan perintah Mahkamah yang layak berbidangkuasa;

(d) dengan perintah *faraq* sementara oleh Mahkamah; atau

(e) dengan penetapan pembatalan yang dibuat oleh Mahkamah yang layak berbidangkuasa.

(4) Perkahwinan di antara orang bukan berugama Islam yang telah memeluk ugama Islam yang sah di sisi *Hukum Syara'* hendaklah disifatkan perkahwinan yang didaftarkan mengikut Perintah ini, jika ianya sah mengikut *Hukum Syara'*.

BAHAGIAN II

PERKAHWINAN

Orang yang boleh mengakad-nikahkan perkahwinan.

8. (1) Sesuatu pernikahan boleh diakadkan oleh sesiapa sahaja yang memegang tauliah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang memberi kuasa kepadanya untuk menjalankan akad nikah.

(2) Tiada pernikahan boleh diakadkan tanpa kebenaran Pendaftar di daerah di mana orang yang hendak dinikahkan itu *bermastaутin*.

(3) *Wali* atau wakil *wali* boleh mengakadnikahkan mauliahnya di hadapan *jurunikah* setelah mauliah tersebut memberikan izinnya dalam borang yang ditetapkan.

(4) Seseorang *jurunikah* boleh mengakadnikahkan seorang perempuan mengikut sebarang aturan menjalankan kerja-kerja nikah, cerai dan *ruju'* bagi orang Islam setelah *wali* perempuan tersebut memberikan izinnya dalam borang yang ditetapkan.

(5) *Jurunikah-jurunikah* boleh mengakadnikahkan seseorang perempuan yang tiada berwali mengikut sebarang aturan menjalankan kerja-kerja nikah, cerai dan *ruju'* bagi orang Islam.

(6) Jika seseorang *wali* bagi perempuan yang akan dinikah kan itu enggan mewalikan atau enggan memberi kebenaran tanpa sebab-sebab yang diluluskan oleh *Hukum Syara'*, maka *jurunikah* berkenaan hendaklah merujukkan perkara itu kepada Pendaftar di daerah di mana orang yang hendak dinikahkan itu *bermasta०tin* bagi keputusan.

(7) Jika sesuatu perkahwinan itu melibatkan seseorang perempuan yang tiada mempunyai *wali* dari *nasab* mengikut *Hukum Syara'* perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan oleh *Wali Hakim*.

9. (1) Tiada lelaki atau perempuan, mengikut mana yang berkenaan, boleh, oleh sebab *nasab*, berkahwin dengan —

Pertalian yang melarang perkahwinan.

(a) ibunya atau bapanya;

(b) neneknya hingga ke atas sama ada dari sebelah bapa atau dari sebelah ibu;

(c) anak perempuannya atau anak lelakinya dan cucu perempuannya atau cucu lelakinya hingga ke bawah;

(d) saudara perempuan atau saudara lelaki seibu seapa, saudara perempuan atau saudara lelaki seapa, dan saudara perempuan atau saudara lelaki seibu;

(e) anak perempuan atau anak lelaki kepada saudara lelaki atau saudara perempuan hingga ke bawah;

(f) emak saudara atau bapa saudara sebelah bapanya hingga ke atas;

(g) emak saudara atau bapa saudara sebelah ibunya hingga ke atas.

(2) Tiada lelaki atau perempuan, mengikut mana yang berkenaan, boleh, oleh sebab pertalian perkahwinan, berkahwin dengan —

(a) ibu mertuanya atau bapa mertuanya hingga ke atas;

(b) emak tirinya atau bapa tirinya, iaitu isteri bapanya atau suami ibunya;

(c) nenek tirinya iaitu isteri atau suami kepada nenek lelakinya, atau nenek perempuan sama ada dari sebelah bapa atau sebelah ibu;

(d) menantunya;

(e) anak perempuan atau anak lelaki tirinya hingga ke bawah dari isteri-isteri yang telah disetubuhi.

(3) Tiada lelaki atau perempuan, mengikut mana yang berkenaan, boleh oleh sebab *sesusan*, berkahwin dengan seseorang perempuan atau lelaki yang ada hubungan dengannya melalui penyusuan di mana, jika hubungan itu adalah melalui kelahiran dan bukan melalui penyusuan, perempuan atau lelaki itu tetap dilarang berkahwin dengannya oleh sebab *nasab* atau pertalian perkahwinan.

(4) Tiada lelaki boleh mempunyai dua isteri pada satu masa jika isteri-isteri itu adalah bertalian antara satu sama lain melalui *nasab*, pertalian kahwin, atau *sesusan* dan pertalian itu adalah dari jenis yang, jika salah seorang daripada mereka adalah seorang lelaki, menjadikan perkahwinan antara mereka tetap tidak sah di sisi *Hukum Syara'*.

Perkahwinan
tidak sah.

10. Sesuatu perkahwinan adalah tidak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu, mengikut *Hukum Syara'*, untuk menjadikannya sah.

Perkahwinan
yang tidak
boleh
didaftarkan.

11. (1) Sesuatu perkahwinan yang bersalahan dengan Perintah ini tidaklah boleh didaftarkan di bawah Perintah ini.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian {1}, sesuatu perkahwinan yang diakad secara berlawanan dengan Bahagian ini tetapi sah mengikut syarat-syarat *Hukum Syara'* boleh didaftarkan di bawah Perintah ini dengan perintah Mahkamah tertakluk kepada bab 38{2}.

12. Sesuatu perkahwinan hendaklah tidak diakui dan hendaklah tidak boleh didaftarkan di bawah Perintah ini melainkan jika kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya dan sama ada —

Persetujuan
dikehendaki.

(a) *wali* pihak perempuan telah bersetuju terhadap perkahwinan itu mengikut *Hukum Syara'*; atau

(b) Hakim Syar'ie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu *bermastautin* atau seseorang yang diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Hakim Syar'ie telah, selepas penyiasatan yang wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuan terhadap perkahwinan itu oleh *wali Hakim* mengikut *Hukum Syara'*. Persetujuan tersebut boleh diberi jika *wali* tidak boleh dikesan atau jika *wali* enggan memberi persetujuannya tanpa sebab yang munasabah.

13. (1) Tiada perempuan boleh, dalam masa perkahwinannya dengan seseorang lelaki berterusan, berkahwin dengan seseorang lelaki lain.

Perkahwinan
seseorang
perempuan.

(2) Jika perempuan itu adalah seorang janda —

(a) tertakluk kepada perenggan (c), dia tidaklah boleh, pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh 'iddahnya yang dikira mengikut *Hukum Syara'* berkahwin dengan seseorang melainkan kepada lelaki yang akhir sekali dia bercerai dengannya;

(b) dia tidaklah boleh berkahwin melainkan setelah memberikan izinnya dengan jelas dan setelah mengemukakan —

- (i) satu salinan sijil cerai yang sah yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa; atau
- (ii) satu salinan catatan yang diperakui berkaitan dengan perceraianya dalam daftar perceraian yang berkenaan; atau
- (iii) satu sijil yang boleh diberi atas permohonannya selepas penyiasatan yang wajar oleh Hakim Syar'ie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana permohonan itu dibuat, yang bermaksud bahawa dia adalah seorang janda;

(c) jika perceraian itu adalah dengan *baain kubra*, iaitu tiga *talaq*, dia tidaklah boleh berkahwin semula dengan suaminya yang dahulu itu melainkan jika dia telah berkahwin dengan sah dengan seorang lain dan dia telah disetubuhi oleh orang lain itu dalam perkahwinan itu dan perkahwinan itu dibubarkan kemudianya dengan sah dan setelah habis 'iddahnya.

(3) Jika perempuan itu mendakwa telah bercerai sebelum dia telah disetubuhi oleh suaminya dalam perkahwinan itu, dia tidaklah boleh, dalam masa 'iddah perceraian biasa, berkahwin dengan seseorang selain daripada suaminya yang dahulu itu, kecuali dengan kebenaran Hakim Syar'ie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana perempuan itu *bermastautin*.

(4) Jika perempuan itu adalah seorang balu —

(a) dia tidaklah boleh berkahwin dengan seseorang pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh 'iddahnya yang dikira mengikut *Hukum Syara'*; dan

(b) dia tidaklah boleh berkahwin melainkan jika dia telah mengemukakan sijil kematian suaminya ataupun dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.

(5) Jika seseorang perempuan yang telah dihukum cerai atau *fasakh* oleh Mahkamah dan perkara itu telah dibawa ke Mahkamah Rayuan, maka dia tidaklah boleh bernikah dengan mana-mana lelaki lain sementara menunggu keputusan Mahkamah Rayuan.

Pertunangan.

14. (1) Jika seseorang telah mengikat suatu pertunangan mengikut *Hukum Syara'*, sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada secara bersendirian atau melalui orang perantaraan, dan kemudianya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi tanpa sebab yang sah sedangkan pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggungjawab untuk memulangkan pemberian-pemberian pertunangan, jika ada, atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau untuk pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu dan yang boleh dituntut melalui tindakan dalam Mahkamah.

(2) Jika pertunangan itu dituruti dengan akad nikah yang sah dan salah satu pihak enggan menyempurnakan syarat-syarat yang telah diperbuat pada masa pertunangan, maka segala kerugian boleh dituntut mengikut cara-cara yang disebutkan di dalam ceraian {1}.

15. (1) *Jurunikh* tidaklah boleh menjalankan mana-mana perkahwinan melainkan setelah menerima permohonan daripada pihak lelaki dan pihak perempuan dalam borang yang ditetapkan dan borang itu hendaklah sampai kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas hari sebelum perkahwinan itu dijalankan, kecuali perkahwinan itu mustahak dijalankan dengan segera oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan munasabah pada pendapat Pendaftar.

Kebenaran berkahwin.

(2) *Jurunikh* tersebut tidaklah boleh mengakadnikahkan mana-mana orang yang datang daripada luar kawasan atau daerahnya, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pendaftar di daerah di mana orang yang hendak dinikahkan itu *bermastaутin*.

(3) *Jurunikh* tidaklah boleh mengakadnikahkan seseorang yang bukan warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam kecuali dia dapat menunjukkan kepada Pendaftar kebenaran atau surat perakuan membenarkan dia bernikah atau diakadnikahkan di Negara Brunei Darussalam dengan pasangan yang disebutkan dalam surat itu yang dibuat secara bertulis oleh pihak yang bertanggungjawab mengenai perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam di negaranya atau oleh pihak yang berkuasa yang berkenaan bagi negara itu, yang telah disahkan oleh Pendaftar untuk membolehkan dia berkahwin di negara ini.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (1), (2) dan (3) di atas, Mahkamah dalam keadaan tertentu boleh membenarkan pernikahan itu dijalankan.

16. Tertakluk kepada bab 17, Pendaftar, apabila berpuas hati tentang kesahihan perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu tentang sahnya perkahwinan yang dicadangkan itu dan, jika pihak lelaki itu sudah berkahwin, bahawa kesahihan yang disebutkan dalam bab 23(3) telah diberi, hendaklah, setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, memberikan kebenaran dalam borang yang ditetapkan kepada pemohon untuk berkahwin.

Mengeluarkan kebenaran berkahwin.

17. (1) Dalam mana-mana kes yang berikut —

(a) jika pihak perempuan yang disebutkan dalam bab 13(3) itu adalah seorang *janda*; atau

Rujukan kepada dan tindakan oleh Hakim Syar'ie.

(b) jika pihak perempuan itu tidak mempunyai *wali nasab* mengikut *Hukum Syara'*,

maka Pendaftar hendaklah, sebagai ganti bertindak di bawah bab 16, merujukkan permohonan itu kepada Hakim Syar'ie yang mempunyai bidangkuasa di tempat perempuan itu *bermastaॻtin*.

(2) Hakim Syar'ie apabila berpuas hati tentang kesahihan perkara-perkara yang disebutkan dalam permohonan itu dan sahnya perkahwinan yang dicadangkan itu dan bahawa kes itu adalah kes yang mewajarkan pemberian kebenaran bagi maksud bab 13(3) atau persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakadnikahkan oleh *wali Hakim* bagi maksud bab 12(b), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, pada bila-bila masa selepas permohonan itu dirujukkan kepadanya dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, memberi kebenaran dalam borang yang ditetapkan kepada pemohon untuk berkahwin.

Kebenaran berkahwin di luar negara.

18. (1) Seseorang warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang hendak berkahwin di luar negara dikehendaki terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pendaftar.

(2) Bagi tujuan ceraian (1) permohonan hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh perkahwinan yang dihajati.

(3) Pendaftar apabila menerima permohonan di bawah ceraian (2) hendaklah melakukan siasatan ke atas pemohon dan jika dia berpuas hati pemohon telah memenuhi syarat-syarat *Hukum Syara'* dan keperluan Perintah ini, bolehlah memberikan kebenaran dalam borang yang ditetapkan.

(4) Tanpa menghiraukan peruntukan ceraian-ceraian (1), (2) dan (3), seorang warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara yang hendak berkahwin di luar negara, hendaklah memaklumkan kepada perwakilan Negara Brunei Darussalam di negara tersebut, jika ada, atau jika tiada hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar sebagai makluman awal mengenai perkahwinan tersebut.

Tempat perkahwinan.

19. (1) Tiada perkahwinan boleh diakadnikahkan kecuali dalam kawasan di mana perempuan atau lelaki yang hendak bernikah itu *bermastaутin*.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan dalam suatu kawasan selain daripada kawasan di mana perempuan atau lelaki itu *bermastaृtin* jika —

(a) dalam hal di mana perempuan atau lelaki itu *bermastaृtin* dalam Negara Brunei Darussalam, Pendaftar atau Hakim Syar'ie yang memberi kebenaran berkahwin di bawah bab-bab 16 atau 17 memberi kebenaran perkahwinan itu

diakadnikahkan di suatu kawasan yang dipersetujui oleh kedua belah pihak;

(b) dalam hal di mana perempuan atau lelaki itu *bermastaутin* dalam sesebuah negara lain, kebenaran berkahwin dan kebenaran untuk perkahwinan itu diakadnikahkan dalam kawasan lain itu telah diberikan oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi negara itu.

(3) Kebenaran di bawah ceraian (2) boleh dinyatakan dalam kebenaran berkahwin yang diberikan di bawah bab-bab 16 atau 17.

20. *Mas kahwin, belanja* atau *pemberian*, atau kesemuanya atau mana-mana dua daripadanya pada masa yang sama, boleh dibayar oleh suami atau wakilnya kepada isteri atau wakilnya dengan tunai atau berhutang sama ada dengan cagaran atau jaminan atau tidak dan hendaklah dibuat mengikut cara-cara yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

*Mas
kahwin,
belanja dan
pemberian.*

21. (1) Selepas sahaja akad nikah sesuatu perkahwinan dilakukan, Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan *ta'liq* yang ditetapkan atau *ta'liq* lain bagi perkahwinan itu di dalam Daftar Perkahwinan sebagaimana yang terdapat dalam borang Catatan Perkahwinan yang ditetapkan.

Catatan dalam
Daftar
Perkahwinan.

(2) Catatan itu hendaklah diakusaksi oleh pihak-pihak kepada perkahwinan itu oleh *wali* dan dua orang saksi, selain daripada *jurunikhah* yang hadir semasa perkahwinan itu diakadnikahkan.

(3) *Jurunikhah* hendaklah bagi tiap-tiap nikah yang akan didaftarkan olehnya menentu dan mencatatkan —

(a) nilai dan butir-butir *mas kahwin*;

(b) nilai dan butir-butir *belanja*;

(c) nilai dan butir-butir *pemberian*;

(d) nilai dan butir-butir lain apa-apa *mas kahwin, belanja* atau *pemberian* yang telah dijanjikan tetapi tidak dibayar pada waktu akad nikah;

(e) butir-butir sebarang jaminan yang diberikan bagi membayar sebarang *mas kahwin, belanja* atau *pemberian*.

(4) Catatan itu kemudiannya hendaklah ditandatangani oleh *jurunikhah*.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sijil Nikah,
Kad Nikah dan
Sijil Ta'liq.

22. (1) Pendaftar hendaklah, selepas mendaftarkan sesuatu perkahwinan dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, mengeluarkan dalam borang yang ditetapkan, Sijil Nikah dan Kad Nikah kepada kedua-dua pihak bagi perkahwinan itu.

(2) Pendaftar hendaklah juga, setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, mengeluarkan Sijil Ta'liq dalam borang yang ditetapkan kepada kedua-dua pihak bagi perkahwinan itu.

(3) Sijil Nikah, Kad Nikah dan Sijil Ta'liq yang asal hendaklah disimpan oleh Pendaftar bagi satu daerah.

Poligami.

23. (1) Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seorang perempuan lain di mana-mana tempat jua pun dalam masa ia masih beristerikan isteri yang sedia ada kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran dalam borang yang ditetapkan daripada Hakim Syar'ie dan jika ia berkahwin sedemikian tanpa kebenaran tersebut maka perkahwinan itu hanya boleh didaftarkan di bawah Perintah ini, tertakluk kepada bab 123, setelah mengisikan borang yang ditetapkan mengenainya.

(2) Permohonan untuk kebenaran dalam ceraian (1) hendaklah dikemukakan kepada Hakim Syar'ie mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan suatu akuan bertulis yang menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut dan perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang dapat ditentukan, bilangan orang tanggungannya termasuk orang-orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu dan sama ada izin atau pandangan isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu.

(3) Apabila menerima permohonan itu, Hakim Syar'ie hendaklah mendengarnya dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, Hakim Syar'ie boleh memberikan kebenaran dalam borang yang ditetapkan setelah berpuas hati akan kesahihannya dan ianya patut dibenarkan mengikut *Hukum Syara'*.

(4) Tatacara bagi akad nikah dan pendaftaran sesuatu perkahwinan di bawah bab ini hendaklah serupa dalam serba perkara dengan yang dipakai bagi perkahwinan-perkahwinan lain yang diakadnikahkan dan didaftarkan dalam Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PERKAHWINAN

24. (1) Pernikahan tiap-tiap orang yang biasanya *bermastaunin* dalam negara ini dan yang *bermukim* di luar negara tetapi *bermastaunin* di dalam negara ini menurut Perintah ini hendaklah didaftarkan menurut Perintah ini.

Pendaftaran.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak dikenakan kepada pernikahan-pernikahan yang dilakukan sebelum tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa.

(3) Pendaftar bagi satu daerah hendaklah mendaftarkan semua nikah yang telah dijalankan oleh mana-mana *jurunikah* kawasan daerah tersebut setelah bayaran pendaftaran yang ditetapkan dibayar dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh pernikahan itu, kecuali ada sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

(4) Hendaklah menjadi kewajipan Pendaftar bagi satu daerah sebelum mendaftarkan mana-mana pernikahan membuat siasatan sehingga dia berpuas hati bahawa segala kehendak *Hukum Syara'* dan Perintah ini yang berkenaan dengannya telah pun dipatuhi, dan juga pernikahan itu sah dan boleh didaftarkan.

25. Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang untuk melaporkan kepada Pendaftar tentang hal keadaan sesuatu kes dalam mana dia berpendapat bahawa sesuatu perkahwinan yang kena didaftarkan telah diakadnikahkan bersalahan dengan Perintah ini.

Melaporkan perkahwinan yang tidak sah.

26. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik mana-mana orang Islam *bermazhab Syafi'ie* yang berkelayakan untuk menjadi Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam bagi maksud Perintah ini, yang berkuasa menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas Pendaftar-Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar, dan pendaftaran perkahwinan, perceraian, pembatalan dan *ruju'* di bawah Perintah ini.

Perlantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan *Jurunikah*.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik beberapa orang Islam *bermazhab Syafi'ie* yang berkelayakan mengikut keperluan untuk menjadi Pendaftar-Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam bagi maksud Perintah ini.

(3) Ketua Hakim Syar'ie dan Hakim-Hakim Syar'ie bolehlah menjadi *jurunikah* bagi orang Islam dengan sebab jawatannya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik mana-mana orang yang layak selain yang disebutkan dalam ceraian (3), menjadi *jurunikhah* dan menetapkan kawasan-kawasan yang *jurunikhah* tersebut berkuasa mengakadnikahkan di Negara Brunei Darussalam.

(5) Ketua Pendaftar, Pendaftar-Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar, yang disebutkan di dalam ceraian-ceraian (1) dan (2) bab ini, hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan hak-hak yang terletak padanya dan hendaklah menjalankan kewajipannya menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini atau mana-mana aturan yang diperbuat di bawah Perintah ini.

(6) Tiap-tiap orang yang dilantik di bawah ceraian-ceraian (1) dan (2) yang bukan pegawai awam hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah.

Penggal 22.

Daftar dan
buku-buku
hendaklah
disimpan
mengenai
semua
perkahwinan.

Salinan-
salinan
catatan
hendaklah
dihantar
kepada Ketua
Pendaftar.

Pendaftaran
perkahwinan
luar negara
bagi
warganegara
atau penduduk
tetap Negara
Brunei
Darussalam.

27. Tiap-tiap Pendaftar hendaklah menyimpan suatu Daftar Perkahwinan dalam borang yang ditetapkan dan buku-buku sebagaimana yang ditetapkan oleh Perintah ini atau oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini, dan tiap-tiap perkahwinan yang diakadnikahkan dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah didaftarkan dengan sewajarnya oleh Pendaftar dalam Daftar Perkahwinan tersebut.

28. (1) Tiap-tiap Pendaftar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas akhir tiap-tiap satu bulan, menyerahkan kepada Ketua Pendaftar satu salinan tiap-tiap catatan yang diperakui benar dan ditandatangani olehnya yang telah dibuat dalam Daftar Perkahwinan.

(2) Semua salinan itu hendaklah disimpan oleh Ketua Pendaftar mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan dan hendaklah menjadi Daftar Perkahwinan Ketua Pendaftar.

29. (1) Setiap warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang telah sah berkahwin di luar negara mengikut *Hukum Syara'*, hendaklah mendaftar perkahwinan tersebut dalam masa enam bulan selepas salah satu atau kedua-dua pihak itu mulamula sampai di Negara Brunei Darussalam dengan cara kedua-dua pihak itu hadir di hadapan mana-mana Pendaftar dalam Negara Brunei Darussalam dan —

(a) mengemukakan kepada Pendaftar itu sijil nikah atau keterangan sama ada dengan lisan atau berdokumen yang boleh memuaskan hati Pendaftar bahawa perkahwinan itu telah berlaku;

(b) memberikan butir-butir sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar untuk pendaftaran sewajarnya perkahwinan itu; dan

(c) memohon dalam borang yang ditetapkan supaya perkahwinan itu didaftarkan dan menandatangani akuan di dalamnya.

(2) Pendaftar boleh mengecualikan salah satu pihak daripada hadir jika dia berpuas hati bahawa ada sebab-sebab yang munasabah dan mencukupi bagi pihak itu tidak hadir dan dalam hal yang demikian catatan dalam Daftar Perkahwinan hendaklah termasuk suatu pernyataan tentang sebab pihak itu tidak hadir.

(3) Selepas sahaja pendaftaran sesuatu perkahwinan di bawah bab ini, satu salinan sah catatan dalam Daftar Perkahwinan yang diperakui dan ditandatangani oleh Pendaftar hendaklah diserahkan atau dihantar kepada suami dan satu salinan lagi kepada isteri, dan satu salinan sah yang diperakui hendaklah dihantar, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan, kepada Ketua Pendaftar yang akan menyebabkan semua salinan yang diperakui itu dijilid bersama untuk menjadi Daftar Perkahwinan Orang Islam Luar Negara.

30. Tiada sesiapa pun selain daripada mereka yang dilantik di bawah bab 26, boleh —

(a) menyimpan apa-apa buku yang merupakan atau dikatakan sebagai suatu daftar yang disimpan mengikut Perintah ini; atau

(b) mengeluarkan kepada seseorang apa-apa dokumen yang merupakan atau dikatakan sebagai satu salinan sijil nikah atau sijil nikah yang disimpan oleh Pendaftar.

31. (1) Dengan tidak menghiraukan bab-bab 7, 24(2) dan 29, pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan mengikut *Hukum Syara'* yang diakadnikahkan di bawah mana-mana undang-undang sebelum atau selepas tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa bolehlah jika perkahwinan itu belum didaftarkan, memohon pada bila-bila masa kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan untuk didaftarkan perkahwinan itu.

(2) Pendaftar boleh menghendaki pihak-pihak kepada perkahwinan itu hadir di hadapannya dan mengemukakan keterangan mengenai perkahwinan itu, sama ada dengan lisan atau berdokumen, dan memberi butir-butir lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki olehnya.

Daftar yang
tidak diakui
di sisi undang-
undang.

Pendaftaran
sukarela
perkahwinan
orang Islam
yang diakad-
nikahkan
dahulunya
di bawah
sebarang
undang-
undang.

(3) Pendaftar boleh, setelah berpuas hati tentang kebenaran pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam permohonan itu, mendaftarkan perkahwinan itu dengan mencatatkan butir-butir mengenainya dalam Daftar Perkahwinan yang ditetapkan bagi maksud ini.

(4) Catatan perkahwinan dalam Daftar Perkahwinan hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar yang membuat catatan dan oleh kedua-dua pihak kepada perkahwinan tersebut, jika dapat hadir, jika tidak, oleh mana-mana satu pihak yang hadir di hadapan Pendaftar.

(5) Selepas perkahwinan itu didaftarkan, satu salinan catatan dalam Daftar Perkahwinan yang diperakui dan ditandatangani oleh Pendaftar dan dimeterai dengan meterai jawatannya, hendaklah diserahkan atau dihantar kepada suami dan satu salinan lagi kepada isteri dan satu salinan ketiga hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar.

(6) Pendaftar tidaklah boleh mendaftarkan sesuatu perkahwinan di bawah bab ini jika dia berpuas hati bahawa perkahwinan itu adalah tidak sah di bawah Perintah ini.

Kesan
pendaftaran
di sisi undang-
undang.

32. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini atau dalam aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai menjadikan diakui atau tidak diakui sesuatu perkahwinan semata-mata oleh sebab ia telah didaftarkan atau belum didaftarkan, yang sebaliknya, adalah tidak diakui atau diakui.

BAHAGIAN IV

HUKUMAN DAN PERUNTUKAN RAMPAIAN BERHUBUNG DENGAN AKAD NIKAH DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

Tidak hadir
di hadapan
Pendaftar
dalam masa
yang
ditetapkan.

33. Seseorang yang dikehendaki oleh bab 29 supaya hadir di hadapan Pendaftar tidak berbuat demikian tanpa sebab-sebab yang munasabah dalam masa yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Jurunikhah
melanggar
peruntukan
bab 15.

34. Seseorang *jurunikhah* yang melanggar dengan sengaja bab 15 adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

35. Kecuali jika dibenarkan oleh *Hukum Syara'*, seseorang yang menggunakan apa-apa kekerasan, ugutan atau penipuan — Gangguan terhadap perkahwinan.

(a) untuk memaksa seseorang berkahwin bertentangan dengan kemahuannya; atau

(b) untuk menahan seseorang lelaki yang telah mencapai umur lapan belas tahun atau seseorang perempuan yang telah mencapai umur enam belas tahun dari berkahwin secara sah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

36. Seseorang bagi maksud mendapatkan sesuatu perkahwinan dilakukan di bawah Perintah ini, dengan sengaja membuat sesuatu akuan atau pernyataan palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan kebenaran berkahwin.

37. Seseorang yang mengakadnikahkan atau dikatakan mengakadnikahkan sesuatu perkahwinan sedangkan dia tidak diberi kuasa di bawah Perintah ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Mengakad-nikahkan perkahwinan dengan tiada kebenaran.

38. (1) Seseorang yang dengan pengetahuannya mengakad-nikahkan atau dikatakan mengakadnikahkan atau menjalankan sesuatu upacara perkahwinan — Kesalahan-kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan.

(a) tanpa kebenaran berkahwin sebagaimana yang dikehendaki oleh bab 18; atau

(b) dengan tidak di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh dipercayai,

adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang yang berkahwin atau dikatakan berkahwin atau menjalani sesuatu upacara akad nikah dengan sesiapa juga bertentangan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kebenaran untuk mendakwa.

39. Tiada pendakwaan atas sesuatu kesalahan di bawah bab-bab 33 hingga 38 boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendakwa Syar'ie.

BAHAGIAN V

PEMBUBARAN PERKAHWINAN

Pembatalan pernikahan.

40. (1) Jika sebarang keraguan timbul mempersoalkan kesahan sesebuah pernikahan atau didapati bahawa sesebuah pernikahan itu bercanggah dengan *Hukum Syara'*, Mahkamah hendaklah menyiasat hal keadaan tersebut untuk memastikan sama ada pernikahan itu adalah sah atau tidak mengikut *Hukum Syara'*.

(2) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa sesebuah pernikahan itu adalah tidak sah mengikut *Hukum Syara'*, Mahkamah hendaklah membuat perintah untuk membatalkan pernikahan itu.

(3) Mahkamah hendaklah merekodkan hal perintah untuk membatalkan pernikahan itu dan hendaklah menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan —

Takat kuasa untuk membuat sesuatu perintah.

41. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh membenarkan Mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau membenarkan seseorang suami untuk melafazkan *talaq* kecuali —

(a) jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Perintah ini; dan

(b) jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut *Hukum Syara'*; dan

(c) jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan itu pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negara Brunei Darussalam.

Perceraian dengan *talaq* atau dengan perintah.

42. (1) Seseorang suami atau seseorang isteri yang hendak bercerai hendaklah menyerahkan suatu permohonan untuk perceraian kepada Mahkamah dalam borang yang ditetapkan, yang mengandungi —

(a) butir-butir mengenai perkahwinan itu dan nama, umur dan jantina anak-anak, jika ada, hasil dari perkahwinan itu;

(b) butir-butir mengenai fakta-fakta yang memberi bidang kuasa kepada Mahkamah di bawah bab 41;

(c) butir-butir mengenai apa-apa prosiding yang dahulu mengenai hal ehwal suami isteri antara pihak-pihak itu, termasuk tempat prosiding itu;

(d) suatu pernyataan tentang sebab-sebab hendak bercerai;

(e) suatu pernyataan tentang sama ada apa-apa, dan jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian;

(f) syarat-syarat sebarang perjanjian berkenaan dengan nafkah dan tempat kediaman bagi isteri dan anak-anak dari perkahwinan itu, jika ada, pemeliharaan dan penjagaan anak-anak dari perkahwinan itu, jika ada, dan pembahagian apa-apa aset yang diperolehi melalui usaha bersama pihak-pihak itu, jika ada, atau jika perjanjian tersebut tiada dicapai, cadangan pemohon mengenai hal-hal itu; dan

(g) butir-butir perintah yang dipohonkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

(2) Selepas menerima sesuatu permohonan untuk perceraian, Mahkamah hendaklah menyebabkan supaya suatu saman disampaikan kepada pihak yang satu lagi bersama dengan satu salinan permohonan bertulis yang dibuat oleh pemohon, dan saman itu hendaklah mengarahkan pihak yang satu lagi hadir di hadapan Mahkamah untuk membolehkan Mahkamah menyiasat sama ada pihak yang satu lagi bersetuju atau tidak terhadap perceraian itu.

(3) Jika pihak yang satu lagi bersetuju terhadap perceraian itu dan Mahkamah berpuas hati selepas menjalankan penyiasatan yang sewajarnya bahawa perkahwinan itu telah pecah belah dengan tidak dapat dipulihkan, maka Mahkamah hendaklah menasihatkan suami supaya melafazkan satu *talaq* di hadapan Mahkamah.

(4) Mahkamah hendaklah merekodkan hal *talaq* yang dilafazkan itu, dan hendaklah menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

(5) Sesuatu *talaq raj'ie* yang dilafazkan oleh suami melainkan *diruju'* sebelum tamat tempoh *'iddah* sama ada dengan *sarih* atau pun *kinayah* atau oleh suatu perintah Mahkamah tidaklah boleh

berkuatkuasa menamatkan pernikahan sehingga tamat tempoh 'iddah.

(6) Jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, Mahkamah bolehlah merujukkan kes itu kepada Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga.

(7) Mahkamah boleh memberi arahan-arahan kepada Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga itu tentang hal menjalankan arahan-arahan tersebut.

(8) Mahkamah boleh memberi tempoh yang munasabah bagi Pegawai tersebut berusaha mencapai kedamaian.

(9) Pegawai tersebut hendaklah mengarahkan pihak-pihak itu hadir dan hendaklah memberi tiap-tiap seorang daripada mereka peluang untuk didengar dan boleh memanggil dan mendengar keterangan orang lain jika ia perlu menurut pandangannya dan membuat apa-apa penyiasatan yang difikirkannya patut dan boleh, jika ia fikirkan perlu, menangguhkan penyiasatan di hadapannya.

(10) Jika Pegawai tersebut tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya berbalik semula sebagai suami isteri, Pegawai tersebut hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tentang hal yang demikian itu dan boleh melampirkan pada perakuan itu syor-syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan nafkah dan penjagaan anak-anak yang belum cukup umur dari perkahwinan itu; walau bagaimanapun Mahkamah tidaklah terikat dengan syor-syor tersebut.

(11) Tiada peguambela dan peguamcara boleh hadir atau bertindak bagi mana-mana pihak dalam sesuatu penyiasatan di hadapan seseorang Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga dan tiada sesuatu pihak boleh diwakili oleh sesiapa juar, selain dari ahli keluarganya yang karib, tanpa kebenaran Pegawai tersebut.

(12) Jika Pegawai tersebut melaporkan kepada Mahkamah bahawa perdamaian telah tercapai dan pihak-pihak itu berbaik semula sebagai suami isteri, Mahkamah hendaklah menolak permohonan untuk perceraian itu.

(13) Jika Pegawai tersebut mengemukakan kepada Mahkamah suatu perakuan bahawa dia tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya berbaik semula sebagai suami isteri, Mahkamah hendaklah menasihatkan suami yang berkenaan itu melafazkan satu *talaq* di

hadapan Mahkamah, dan jika Mahkamah tidak boleh mendapatkan suami itu hadir di hadapan Mahkamah untuk melafazkan satu *talaq* atau jika Mahkamah tidak merujukkan kes itu kepada Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, maka Mahkamah hendaklah merujukkan kes tersebut kepada *Hakam* untuk tindakan mengikut bab 43.

(1) Apabila seseorang suami telah melakukan sebarang penganiayaan ke atas isterinya atau menyakiti atau melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badan atau kehormatan atau harta isterinya sama ada dengan perkataan atau perbuatan dan isterinya itu tidak sanggup untuk hidup bersama dan meneruskan perhubungan suami isteri, isterinya itu boleh memohon menuntut cerai kepada Mahkamah dalam borang yang ditetapkan dan manakala sabit aduannya dan Mahkamah gagal mendamaikan di antara kedua-duanya, Mahkamah boleh menjatuhkan hukum cerai dengan satu *talaq baain*.

Cerai kerana
syiqaq dan
melantik
Hakam
sebagai
timbangtara.

(2) Jika didapati bahawa aduan isterinya itu tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah dengan sebab dia tidak dapat membuktikan kebenarannya dan kemudian daripada itu isterinya itu berulang-ulang membuat aduan yang sama dan Mahkamah mendapati pertikaian sentiasa berlaku di antara suami isteri tersebut, Mahkamah boleh melantik dua orang *Hakam* yang layak dan berkebolehan dalam perkara timbangtara, seorang bagi pihak suami dan seorang bagi pihak isteri, mengikut *Hukum Syara'*.

(3) Apabila melantik *Hakam* di bawah ceraian (2), Mahkamah hendaklah, jika boleh, memberi keutamaan kepada *qarabah qarib* pihak-pihak yang berkenaan itu yang tahu akan hal keadaan kes itu.

(4) Mahkamah boleh memerintahkan kepada *Hakam* itu berkenaan dengan tatacara menjalankan perdamaian atau penyelesaian dan hendaklah *Hakam* itu menyempurnakan perintah-perintah itu mengikut *Hukum Syara'* dengan menjalankan penyiasatan untuk mengetahui sebab-sebab atau punca pertikaian (*syiqaq*) antara suami isteri itu dan hendaklah berusaha bersungguh-sungguh pada mendamaikan kedua-duanya.

(5) *Hakam* yang dilantik itu hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh daripada kedua belah pihak —

(a) jika dia *Hakam* bagi suami, untuk melafazkan *talaq* atau menerima *tebus talaq*; dan

(b) jika dia *Hakam* bagi isteri, untuk menerima *talaq* atau membayar *tebus talaq*,

dan mana-mana satu tindakan yang diambil, hendaklah dibuat di hadapan Mahkamah yang akan merekodkan tindakan tersebut dengan sewajarnya dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakuinya kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

(6) Jika didapati bahawa *Hakam-Hakam* itu tidak semuafakat dan berlaku pertentangan pendapat di antara satu sama lain, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya kedua-duanya mengulangi usaha mereka dan sekiranya kemudian daripada itu didapati pertentangan di antara mereka masih berlaku, Mahkamah hendaklah memberhentikan kedua-duanya dan melantik *Hakam-Hakam* lain.

(7) Jika didapati bahawa pertikaian (*syiqaq*) antara suami isteri itu tidak dapat didamaikan dan *Hakam-Hakam* itu berpendapat sukar mencapai perdamaian, *Hakam-Hakam* itu hendaklah membuat keputusan cerai dengan satu *talaq baain* tanpa *'iwadh* dan dirujukkan kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman mengikut keputusan *Hakam-Hakam* tersebut dan hendaklah merekodkan cerai tersebut dengan sewajarnya dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakuinya kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Perintah untuk
membubarkan
perkahwinan
kerana
dharar.

44. Seseorang yang berkahwin mengikut *Hukum Syara'* boleh memohon dalam borang yang ditetapkan bagi suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan kerana *dharar Syar'ie* atas mana-mana satu atau lebih daripada alasan-alasan berikut —

- (a) lazimnya menyakiti atau menjadikan kehidupan isteri menderita disebabkan oleh kelakuan aninya;
- (b) berkawan dan bergaul dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan *Hukum Syara'*;
- (c) cuba memaksa isteri hidup secara lucah;
- (d) melupuskan harta isteri atau melarang isteri dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu;
- (e) menghalang isteri dari menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya; atau
- (f) jika dia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak *Hukum Syara'*.

45. (1) Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat Sijil Ta'liq yang dibuat selepas akad nikah, memohon kepada Mahkamah dalam borang yang ditetapkan untuk mensabitkan bahawa perceraian demikian telah berlaku.

Perceraian di bawah ta'liq.

(2) Mahkamah sebelum mensabitkan perceraian tersebut hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu dan, jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut *Hukum Syara'*, Mahkamah hendaklah mensabitkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

46. (1) Seseorang yang berkahwin mengikut *Hukum Syara'* boleh memohon dalam borang yang ditetapkan bagi suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan secara *fasakh* atas mana-mana satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut —

Perintah untuk membubarkan perkahwinan secara *fasakh*.

(a) bahawa dalam masa tempoh satu tahun atau lebih tidak diketahui di mana suaminya berada;

(b) bahawa dalam masa tempoh satu tahun atau lebih suaminya berada dalam tahanan;

(c) bahawa suami telah cuai atau telah gagal mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh empat bulan;

(d) bahawa suami telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih;

(e) bahawa suami telah gagal menunaikan tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (*nafkah batin*) selama tempoh satu tahun;

(f) bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;

(g) bahawa suami telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo atau sindrom kekurangan daya tahan badan (AIDS) atau pembawa kuman HIV atau sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit;

(*h*) bahawa walaupun empat bulan berlalu dari tarikh perintah, tetapi isteri masih disetubuh oleh kerana suami sengaja enggan menyetubuhinya;

(*i*) bahawa isteri tidak izin akan perkahwinan itu atau izinnya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal atau sebarang hal keadaan lain yang diakui oleh *Hukum Syara'*;

(*j*) bahawa isteri mempunyai kecacatan yang menghalang persetubuhan dilakukan mengikut *Hukum Syara'*;

(*k*) apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan secara *fasakh* di bawah *Hukum Syara'*.

(2) Tiada perintah boleh dibuat atas alasan dalam perenggan (*d*) ceraian (1) sehingga hukuman itu telah menjadi muktamad dan suami telah pun menjalani satu tahun dari hukuman itu.

(3) Sebelum membuat suatu perintah atas alasan dalam perenggan (*f*) ceraian (1) Mahkamah hendaklah membuat suatu perintah yang menghendaki suami untuk memuaskan hati Mahkamah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk dan jika suami memuaskan hati Mahkamah sedemikian dalam tempoh itu, tiada perintah boleh dibuat atas alasan itu.

Pertukaran agama.

47. (1) Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan murtad atau memeluk sesuatu kepercayaan selain daripada Islam maka perbuatan yang demikian tidaklah boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan jika dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah.

(2) Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan yang bukan Islam memeluk agama Islam maka perbuatan yang demikian tidaklah boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan jika dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah.

Cerai tebus talaq.

48. (1) Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan *talaq* dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan cara *cerai tebus talaq (khulu')*, Mahkamah hendaklah, selepas jumlah bayaran *tebus talaq* dipersetujui dan telah dijelaskan oleh pihak isteri itu, mengarahkan suami melafazkan perceraian dengan cara *cerai tebus talaq* dan perceraian itu adalah *baain sughra*.

(2) Jika jumlah bayaran *tebus talaq* tidak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, Mahkamah boleh mentaksirkan jumlah itu mengikut *Hukum Syara'* dengan memberi perhatian kepada taraf, sumber kewangan pihak-pihak itu dan *mas kahwin*. Jika Mahkamah telah menetapkan jumlah *tebus talaq* dan Mahkamah telah mengarahkan supaya suami itu melafazkan *talaq* dan didapati suami enggan berbuat demikian, maka Mahkamah boleh menjatuhkan *talaq*.

(3) Mahkamah hendaklah merekodkan *cerai tebus talaq* itu dengan sewajarnya dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

49. (1) Apabila suami kepada suatu perkahwinan telah bersumpah secara *li'an* mengikut *Hukum Syara'* di hadapan Hakim Syar'ie dan apabila disabitkan, Hakim itu hendaklah menghukum mereka *berfaraq* dan berpisah buat selama-lamanya.

Perceraian secara *li'an*.

(2) Hakim Syar'ie hendaklah merekodkan perceraian secara *li'an* dengan sewajarnya dan menghantar satu salinan rekod itu yang telah diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

50. (1) Apabila suami kepada suatu perkahwinan telah bersumpah secara *ila* untuk tidak bersetubuh dengan isterinya untuk tempoh empat bulan atau lebih dan tempoh empat bulan itu telah berlalu, tanpa berlaku persetubuhan, Mahkamah setelah mensabitkan *ila* itu hendaklah memerintahkan suami berkenaan untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya atau menceraikan isterinya itu.

Perceraian secara *ila*.

(2) Jika suami gagal mematuhi perintah Mahkamah dalam ceraian (1) Mahkamah hendaklah membubarkan perkahwinan berkenaan.

(3) Mahkamah hendaklah merekodkan perceraian secara *ila* dengan sewajarnya dan menghantarkan satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

51. (1) Jika seseorang suami kepada suatu perkahwinan telah melakukan *zihar* ke atas isterinya, isterinya itu menjadi *haram* ke atas suaminya selama suaminya itu tidak membayar *kaffarah zihar*.

Perceraian secara *zihar*.

(2) Jika suami dalam ceraian (1) tidak membayar *kaffarah zihar*, Mahkamah setelah mensabitkan *zihar* itu di atas pengaduan isteri, boleh membuat perintah menahan suaminya itu dari

menyetubuhi isterinya sehingga dia membayar *kaffarah* atau menceraikan isterinya.

(3) Jika suami dalam ceraian (2) tidak membayar *kaffarah zihar*, sebaliknya menceraikan isterinya, Mahkamah hendaklah merekodkan perceraian secara *zihar* dengan sewajarnya dan menghantarkan satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Ruju'.

52. (1) Jika, selepas sesuatu *talaq raj'ie* dan dalam masa *'iddah*, suami isteri telah *ruju'* semula, pihak-pihak itu hendaklah mendaftarkan hal *ruju'* semula itu dan butir-butir lain yang berkaitan kepada Pendaftar bagi kawasan di mana mereka *bermastaутin* dalam masa empat belas hari *ruju'* semula itu dalam borang yang ditetapkan.

(2) Pendaftar hendaklah membuat penyiasatan sebagaimana yang mungkin perlu dan, jika berpuas hati bahawa *ruju'* semula telah berlaku mengikut *Hukum Syara'*, hendaklah mendaftarkan *ruju'* semula itu dengan membuat pengesahan pada catatan berhubung dengan perceraian itu dalam Daftar Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'*, jika perceraian itu telah didaftarkan olehnya; dan hendaklah meminta pihak-pihak itu supaya menyerahkan kepadanya satu salinan sijil cerai yang berkaitan dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada mereka Sijil *Ruju'* dalam borang yang ditetapkan.

(3) Pendaftar hendaklah juga menyerahkan satu salinan Sijil *Ruju'* itu kepada Ketua Pendaftar yang akan mendaftarkan *ruju'* semula itu dengan membuat pengesahan pada catatan berhubung dengan perceraian itu dalam Daftar Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* yang disimpan olehnya.

(4) Mana-mana pihak kepada suatu perkahwinan yang tidak mendaftarkan hal *ruju'* semula sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

(5) Jika perceraian itu tidak didaftarkan oleh Pendaftar yang kepadanya laporan di bawah ceraian (1) itu dibuat, dia hendaklah merekodkan dalam sijil cerai itu nombor bersiri dan butiran Sijil *Ruju'* itu dan hendaklah menghantar sijil cerai itu kepada Pendaftar yang telah mengeluarkannya bersama dengan satu salinan Sijil *Ruju'* itu dan Pendaftar yang telah mengeluarkan sijil cerai itu hendaklah mendaftarkan *ruju'* semula itu dengan membuat pengesahan pada catatan berhubung dengan perceraian itu dalam Daftar Perceraian,

Pembatalan dan Ruju' yang disimpan olehnya dan hendaklah menyerahkan salinan Sijil Ruju' itu kepada Ketua Pendaftar yang akan mendaftarkan ruju' semula itu dengan membuat pengesahan pada catatan berhubung dengan perceraian itu dalam Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju' yang disimpan olehnya.

(6) Jika *talaq raj'ie* telah berlaku tanpa diketahui oleh isteri, suami tidaklah boleh menghendaki atau meminta isteri supaya *ruju'* semula dengannya tanpa menzahirkan kepadanya hal perceraian itu.

(7) Jika selepas *talaq raj'ie* suami melafazkan *ruju'* dan isteri telah bersetuju terhadap *ruju'* itu, isteri boleh, atas permohonan suami, diperintahkan oleh Mahkamah supaya berbaik semula sebagai suami isteri, melainkan jika isteri itu menunjukkan sebab-sebab yang munasabah sebaliknya mengikut *Hukum Syara'* dan, jika demikian halnya, Mahkamah boleh merujukkan perkara itu kepada Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga.

(8) Jika selepas *talaq raj'ie* suami melafazkan *ruju'* tetapi isteri tidak bersetuju terhadap *ruju'* itu kerana sebab-sebab yang dibenarkan oleh *Hukum Syara'* dia tidaklah boleh diperintahkan oleh Mahkamah supaya berbaik semula sebagai suami isteri, tetapi Mahkamah boleh merujukkan perkara itu kepada Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga.

53. (1) Jika suami mana-mana perempuan dipercayai telah mati atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh selama empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegini hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut *Hukum Syara'* telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu yang dibuat dalam borang yang ditetapkan, dan selepas menjalankan siasatan sebagaimana yang mungkin wajar, mengeluarkan dalam borang yang ditetapkan suatu perakuan menganggap suami telah mati dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinannya secara *fasakh*.

Andaian mati.

(2) Perakuan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) hendaklah didaftarkan di dalam Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju' seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.

54. (1) Tiap-tiap Pendaftar dan Ketua Pendaftar hendaklah masing-masing menyenggara suatu Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju' dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dengan serta-merta mencatatkan di dalamnya butir-butir yang ditetapkan mengenai semua perintah perceraian dan pembatalan yang dihantar kepadanya di bawah ceraian (2) dan mengenai semua perintah

Penyengga-raan Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju'.

perceraian dan pembatalan yang dipohonkan di bawah ceraian (3) untuk didaftarkan.

(2) Tiap-tiap Mahkamah yang memberikan dan merekodkan sesuatu perintah perceraian atau pembatalan atau yang membenarkan dan merekodkan sesuatu *talaq* atau sebarang bentuk lain perceraian hendaklah dengan serta-merta menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

(3) Jika sesuatu perkahwinan yang diakadnikahkan dalam Negara Brunei Darussalam dibubarkan atau dibatalkan dengan suatu perintah Mahkamah yang layak berbidang kuasa di luar Negara Brunei Darussalam, salah satu pihak itu boleh memohon kepada Pendaftar yang berkenaan dalam borang yang ditetapkan untuk didaftarkan perintah itu, dan Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar hendaklah mendaftarkan perintah itu apabila berpuas hati bahawa perintah itu adalah satu perintah yang seharusnya diiktiraf sebagai sah bagi maksud undang-undang Negara Brunei Darussalam.

(4) Jika sesuatu lafaz *talaq* di hadapan Mahkamah atau sesuatu perintah perceraian atau pembatalan, di mana sahaja ia diberikan, telah membubarkan sesuatu perkahwinan yang telah diakadnikahkan dalam Negara Brunei Darussalam dan telah didaftarkan di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa sebelum Perintah ini, Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar hendaklah, apabila mendaftarkan *talaq* atau perintah itu, mengarahkan supaya catatan mengenai perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan ditandakan dengan perkataan "Dibubarkan" dan dengan rujukan mengenai perbicaraan dalam mana *talaq* itu telah dilafazkan atau perintah itu telah dibuat.

(5) Apabila mendaftarkan sesuatu *talaq* atau perintah perceraian dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan Sijil Cerai dalam borang yang ditetapkan kepada kedua-dua pihak.

(6) Apabila mendaftarkan sesuatu perintah pembatalan Pendaftar hendaklah mengeluarkan surat pembatalan kepada kedua-dua pihak.

55. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 54, seseorang lelaki yang telah menceraikan isterinya dengan melafazkan *talaq* dalam apa-apa bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah, dalam tempoh tujuh hari dari *talaq* itu dilafazkan, melaporkan lafaz *talaq* itu kepada Mahkamah.

(2) Mahkamah hendaklah mengadakan perbicaraan untuk memastikan bahawa *talaq* itu telah sah dilafazkan mengikut *Hukum Syara'*.

(3) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa *talaq* itu telah sah dilafazkan mengikut *Hukum Syara'*, Mahkamah hendaklah, tertakluk kepada bab 124, membuat perintah yang mengesahkan perceraian *talaq* itu. Mahkamah hendaklah merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

56. Tiada lafaz *talaq* atau perintah perceraian atau pembatalan boleh didaftarkan melainkan jika Pendaftar berpuas hati bahawa Mahkamah telah membuat perintah muktamad mengenainya.

Perintah perceraian tidaklah boleh didaftarkan melainkan jika perintah muktamad telah dibuat.

57. Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya boleh memohon pemberian sagu hati (*mut'ah*) kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan, memerintahkan suami supaya membayar sejumlah wang sebagaimana yang mungkin wajar dan patut mengikut *Hukum Syara'*.

Pemberian sagu hati kepada perempuan.

58. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam Perintah ini boleh menjelaskan apa-apa hak yang mungkin ada pada seseorang isteri di bawah *Hukum Syara'* terhadap *mas kahwinnya, belanja* dan *pemberian* kepadanya atau mana-mana bahagian *mas kahwin, belanja* dan *pemberian* itu apabila perkahwinannya dibubarkan.

Hak terhadap *mas kahwin* dan sebagainya tidak akan terjejas.

59. (1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, apabila membernarkan *lafaz talaq* atau apabila membuat sesuatu perintah perceraian, untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (1), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau tenaga bagi memperolehi aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

(c) keperluan anak-anak yang belum cukup umur dari perkahwinan itu, jika ada,

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

(3) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz *talaq* atau apabila membuat sesuatu perintah perceraian, untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

(b) keperluan anak-anak yang belum cukup umur dari perkahwinan itu, jika ada,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi walau bagaimanapun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

(5) Bagi maksud bab ini, sebutan-sebutan mengenai aset-aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuk aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha bersama mereka.

Memohon
perintah
mengenai
pembahagian
harta
sepencarian.

60. Seseorang perempuan yang telah bercerai dengan suaminya atau seseorang lelaki yang telah bercerai dengan isterinya boleh atas permintaannya di Mahkamah mendapatkan perintah terhadap bekas isterinya atau bekas suaminya mengenai pembahagian *harta sepencarian*.

BAHAGIAN VI

NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN

61. (1) Tertakluk kepada *Hukum Syara'*, Mahkamah boleh memerintahkan seseorang suami supaya membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.

(2) Tertakluk kepada *Hukum Syara'* dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia *nusyuz* atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu antara lain —

- (a) apabila dia menjauhkan dirinya daripada suaminya;
- (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;
- (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain,

tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut *Hukum Syara'*.

(3) Isteri yang *nusyuz*, kemudian ia bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi *nusyuz*.

62. Sesiapa sahaja yang tidak berdaya kerana uzur atau berpenyakit untuk menanggung dirinya boleh memohon kepada Mahkamah bagi memperolehi suatu perintah terhadap sesiapa sahaja yang bertanggungjawab mengikut *Hukum Syara'* untuk menanggungnya bagi penyaraan dari masa ke semasa bagi mana-mana jumlah yang berhubung dengan nafkahnya sebagaimana yang patut.

63. Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan penaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

64. Mahkamah boleh, apabila memerintahkan pemberian nafkah, memerintahkan orang yang bertanggungan membayar nafkah itu supaya memberi cagaran bagi kesemua atau mana-mana bahagiannya dengan meletak hak apa-apa harta pada pemegang-pemegang amanah dengan amanah supaya membayar nafkah itu atau sebahagiannya daripada pendapatan harta itu.

Kuasa
Mahkamah
untuk
memerintah-
kan nafkah
bagi isteri dan
kesan
nusyuz.

Kuasa
Mahkamah
untuk
memerintah-
kan nafkah
bagi orang-
orang tertentu.

Penaksiran
nafkah.

Kuasa
Mahkamah
untuk
memerintah-
kan cagaran
diberi bagi
nafkah.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penyelesaian
nafkah.

65. Sesuatu perjanjian untuk membayar, dengan wang atau harta lain, satu jumlah asas wang bagi menjelaskan segala tuntutan nafkah masa hadapan tidak boleh berkuatkuasa sehingga ia telah diluluskan, dengan atau tanpa syarat-syarat, oleh Mahkamah tetapi apabila diluluskan sedemikian, hendaklah menjadi suatu pembelaan yang baik terhadap apa-apa tuntutan nafkah.

Lama tempoh
perintah
nafkah.

66. Kecuali jika sesuatu perintah nafkah dinyatakan selama sesuatu tempoh yang lebih singkat atau telah dibatalkan dan tertakluk kepada bab 67, sesuatu perintah nafkah hendaklah tamat atas kematian orang yang kena membayar nafkah itu atau atas kematian orang yang berhak menerima nafkah itu menurut perintah yang telah dibuat itu, mengikut mana yang lebih awal.

Hak terhadap
nafkah atau
pemberian
selepas
perceraihan.

67. (1) Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh '*iddah*' atau apabila isteri itu *nusyuz*.

(2) Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima pemberian daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perjanjian hendaklah terhenti apabila isteri itu berkahwin semula.

Kuasa
Mahkamah
untuk
mengubah
perintah
nafkah.

68. Mahkamah boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan sesuatu perintah nafkah yang masih berkuatkuasa, sama ada bercagar atau tidak, atas permohonan orang yang berhak menerima atau yang kena membayar nafkah menurut perintah yang telah dibuat itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika terdapat sesuatu perubahan mustahak pada keadaan telah berlaku.

Kuasa
Mahkamah
untuk
mengubah
perjanjian
nafkah.

69. Tertakluk kepada bab 65, Mahkamah boleh atas permohonan orang yang berhak menerima atau yang kena membayar nafkah itu pada bila-bila masa mengubah syarat-syarat sesuatu perjanjian tentang nafkah yang dibuat di antara suami dan isteri, jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat sesuatu perubahan mustahak pada keadaan telah berlaku, tanpa menghiraukan sebarang peruntukan yang berlawanan dalam perjanjian itu.

Nafkah yang
kena dibayar
di bawah
perintah
Mahkamah
tidak boleh
dipindahkan
hak miliknya.

70. Nafkah yang kena dibayar kepada seseorang di bawah sesuatu perintah Mahkamah tidaklah boleh diserahkan atau dipindahmilik atau kena ditahan, diasingkan atau dikenakan levi, untuk atau berkenaan dengan, apa-apa hutang atau tuntutan.

71. (1) Tunggakan nafkah yang tidak bercagar boleh dituntut sebagai suatu hutang daripada pihak yang mungkir itu dan jika tunggakan itu terkumpul kena dibayar sebelum suatu perintah penerimaan dibuat terhadap pihak yang mungkir itu, tunggakan itu boleh dibuktikan dalam kebankrapannya dan, jika tunggakan itu terkumpul kena dibayar sebelum dia mati, tunggakan itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar dari harta pusakanya.

Menuntut tunggakan nafkah.

(2) Tunggakan nafkah yang tidak bercagar yang terkumpul yang kena dibayar sebelum orang yang berhak terhadapnya itu mati boleh dituntut sebagai suatu hutang oleh wakil diri di sisi undang-undang orang itu.

72. (1) Seseorang isteri boleh atas permohonannya di Mahkamah mendapatkan suatu perintah terhadap suaminya bagi bayaran dari masa ke semasa sebarang jumlah wang berkenaan dengan nafkah yang dia boleh berhak menerimanya mengikut *Hukum Syara'*.

Nafkah isteri dan kehadiran di Mahkamah.

(2) Seseorang yang telah diceraikan oleh suaminya boleh atas permohonannya di Mahkamah mendapatkan suatu perintah terhadap bekas suaminya kerana bayaran di dalam 'iddahnya, jika perceraian itu dengan *talaq* satu atau dua atau pun di dalam tempoh dia mengandung dengan bekas suaminya sebanyak mana nafkah yang dia boleh berhak menerimanya dan perbelanjaan lain yang munasabah mengikut *Hukum Syara'*.

73. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan untuk pembayaran nafkah, Mahkamah boleh membuat suatu perintah terhadap suami bagi membayar nafkah sementara yang akan berkuatkuasa dengan serta-merta dan terus berkuatkuasa sehingga suatu perintah Mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah.

Nafkah sementara.

(2) Suami boleh menyelaraskan nafkah sementara yang dibayar dengan jumlah yang diperintahkan supaya dibayar untuk nafkah di bawah perintah Mahkamah.

74. (1) Seseorang perempuan yang diceraikan berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya.

Hak tempat tinggal.

(2) Hak tempat tinggal yang diperuntukkan dalam ceraian (1) hendaklah terhenti —

(a) jika tempoh 'iddah telah tamat;

(b) jika tempoh penjagaan anak telah tamat;

(c) jika perempuan itu telah berkahwin dengan lelaki lain; atau

(d) jika perempuan itu telah melakukan perbuatan keji yang nyata (*fahisyah*),

dan sesudah itu suami boleh memohon kepada Mahkamah supaya dikembalikan rumah itu kepadanya.

Kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak.

75. (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau perintah Mahkamah memperuntukkan dengan cara lain maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anak-anaknya, sama ada mereka berada dalam jagaannya atau dalam jagaan mana-mana orang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, rawatan perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

(2) Kecuali sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungan di bawah *Hukum Syara'*, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan untuk nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana dia tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan nafkah bagi kanak-kanak.

76. (1) Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan seorang lelaki supaya membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya —

(a) jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan dengan munasabah bagi kanak-kanak itu;

(b) jika dia telah meninggalkan langsung isterinya dan kanak-kanak itu berada dalam jagaan isterinya;

(c) dalam masa menanti keputusan sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri; atau

(d) apabila membuat atau selepas daripada membuat sesuatu perintah untuk meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain.

(2) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa yang sama untuk memerintahkan seseorang yang bertanggungan di bawah *Hukum Syara'* supaya membayar atau memberi sumbangan untuk nafkah seseorang kanak-kanak jika Mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuannya adalah munasabah bagi Mahkamah memerintahkan sedemikian.

(3) Sesuatu perintah di bawah ceraian-ceraian (1) atau (2) boleh mengarahkan supaya pembayaran dibuat kepada orang yang menjaga atau memelihara dan mengawal kanak-kanak itu atau kepada pemegang-pemegang amanah bagi kanak-kanak itu.

77. Mahkamah boleh, apabila memerintahkan pembayaran nafkah untuk faedah seseorang kanak-kanak, memerintahkan orang yang bertanggungan membayar nafkah itu supaya memberi cagaran bagi kesemua atau mana-mana bahagiannya dengan meletak hak apa-apa harta pada pemegang-pemegang amanah dengan amanah supaya membayar nafkah itu atau sebahagiannya daripada pendapatan harta itu.

Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan cagaran bagi nafkah seseorang kanak-kanak.

78. Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan, pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan sesuatu perintah bagi penjagaan atau nafkah seseorang kanak-kanak jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu berasaskan kepada sebarang salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sebarang perubahan mustahak telah berlaku mengikut hal keadaan.

Kuasa Mahkamah untuk mengubah atau membatalkan perintah bagi penjagaan atau nafkah seseorang kanak-kanak.

79. Mahkamah boleh pada bila-bila masa mengubah syarat-syarat sesuatu perjanjian berhubung dengan penjagaan atau nafkah seseorang kanak-kanak, tanpa menghiraukan sebarang peruntukan yang berlawanan dalam perjanjian itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah munasabah dan untuk maslahah kanak-kanak itu berbuat sedemikian.

Kuasa Mahkamah untuk mengubah perjanjian berhubung dengan penjagaan atau nafkah seseorang kanak-kanak.

80. Bab 71 hendaklah dikenakan, dengan pindaan yang sesuai mengikut *Hukum Syara'*, kepada perintah-perintah bagi pembayaran nafkah untuk faedah seseorang kanak-kanak.

Menuntut tunggakan nafkah seseorang kanak-kanak.

81. (1) Jika seseorang telah menerima seorang kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajipannya menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak, setakat mana ibu bapa kanak-kanak itu tidak berbuat demikian, dan Mahkamah boleh membuat perintah sebagaimana yang mungkin perlu bagi memastikan maslahah kanak-kanak itu.

Kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga.

(2) Kewajipan yang dikenakan oleh ceraian (1) hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu diambil balik oleh sama ada bapa atau ibunya.

(3) Apa-apa wang yang dibelanjakan oleh seseorang pada menanggung nafkah seseorang kanak-kanak sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (1) boleh dituntut daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu sebagai suatu hutang.

Tempoh perintah bagi nafkah seseorang kanak-kanak.

82. Kecuali —

(a) jika sesuatu perintah bagi nafkah seseorang kanak-kanak dinyatakan untuk sebarang tempoh yang lebih singkat;

(b) jika sesuatu perintah itu telah dibatalkan; atau

(c) jika sesuatu perintah itu dibuat untuk faedah —

(i) seseorang kanak-kanak perempuan yang tidak berkahwin atau;

(ii) seseorang kanak-kanak yang, oleh sebab sesuatu kehilangan upaya dari segi otak atau jasmani, tidak berdaya menanggung nafkah dirinya,

perintah nafkah itu hendaklah tamat apabila kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, tetapi Mahkamah boleh atas permohonan kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain, melanjutkan perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan sebagaimana yang difikirkannya munasabah bagi membolehkan kanak-kanak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi.

Kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang tidak sah taraf.

83. (1) Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tidak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang kanak-kanak yang dilahirkan akibat dirogol, Mahkamah boleh, apabila hal ini dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu supaya memberi apa-apa nafkah yang difikirkannya munasabah oleh Mahkamah.

(2) Nafkah di bawah bab ini hendaklah kena dibayar mulai dari tarikh bermulanya kecuaian atau keengganan menanggung nafkah itu atau mulai dari suatu tarikh yang kemudian sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.

Kuasa Mahkamah untuk membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga.

84. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah, atas permohonan orang yang mengenainya perintah nafkah itu dibuat atau penjaga orang tersebut, boleh membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga, jika Mahkamah memikirkan patut berbuat sedemikian.

(2) Suatu permohonan bagi suatu perintah tahanan pendapatan tenaga bolehlah dibuat dalam perbicaraan di mana suatu perintah nafkah dipohonkan atau dalam mana-mana perbicaraan kemudiannya.

85. (1) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah mengarahkan orang yang baginya perintah yang berkenaan itu diarahkan, iaitu seseorang yang pada pendapat Mahkamah adalah sebagai majikan pihak kena tuntut, supaya membuat pembayaran daripada pendapatan tenaga pihak kena tuntut yang kena dibayar kepada pihak menuntut untuk mematuhi perintah itu.

Jenis perintah tahanan pendapatan tenaga.

(2) Jumlah wang yang dikehendaki ditetapkan dalam suatu perintah tahanan pendapatan tenaga ialah jumlah wang yang Mahkamah fikirkan sebagai patut selepas menimbangkan keupayaan-keupayaan dan keperluan-keperluan pihak kena tuntut dan keperluan-keperluan orang-orang yang wajib atau patut ditanggungnya.

(3) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah mengandungi, setakat yang diketahui oleh Mahkamah yang membuat perintah itu, butir-butir yang mungkin ditetapkan bagi maksud membolehkan pihak kena tuntut itu dikenali oleh orang yang baginya perintah itu diarahkan.

(4) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga atau apa-apa perubahannya tidaklah boleh mula berkuatkuasa sehingga habis tempoh tujuh hari dari tarikh salinan perintah itu disampaikan kepada orang yang ke atasnya perintah itu diarahkan.

(5) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah menetapkan pegawai yang kepadanya pembayaran-pembayaran di bawah perintah itu hendak dibuat.

86. (1) Apabila suatu perintah tahanan pendapatan tenaga dibuat, semua perbicaraan lain bagi menguatkuasakan perintah nafkah yang berkaitan dengannya yang bermula sebelum perintah tahanan pendapatan tenaga dibuat hendaklah digantung.

Kesan perintah tahanan pendapatan tenaga.

(2) Mahkamah yang membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga boleh, jika difikirkannya patut, atas permohonan pihak kena tuntut atau seseorang yang berhak menerima pembayaran-pembayaran di bawah perintah nafkah yang berkaitan, membuat suatu perintah melepaskan atau mengubah perintah tahanan pendapatan tenaga itu.

Kewajipan
pihak kena
tuntut dan
majikan
supaya
mematuhi
perintah
tahanan
pendapatan
tenaga.

87. (1) Seseorang yang diperintahkan oleh suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah, tanpa menghiraukan apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain tetapi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, mematuhi perintah itu atau, jika perintah itu kemudiannya diubah di bawah bab 86, mematuhi perintah yang diubah itu.

(2) Jika pada bila-bila masa, apabila pendapatan tenaga kena dibayar oleh pihak kena tuntut, ada dua atau lebih perintah tahanan pendapatan tenaga berkuatkuasa berhubung dengan pendapatan tenaga itu, maka, bagi maksud mematuhi Perintah ini, majikan hendaklah —

(a) melaksanakan perintah itu menurut tarikh masing-masing bila perintah itu mula berkuatkuasa dengan tidak mengambil kira mana-mana perintah yang kemudiannya sehingga semua perintah yang dahulu itu telah selesai dilaksanakan; dan

(b) melaksanakan mana-mana perintah yang kemudiannya seolah-olah pendapatan tenaga yang berkaitan dengannya itu adalah baki daripada pendapatan tenaga pihak kena tuntut selepas membuat apa-apa pembayaran di bawah Perintah ini menurut mana-mana perintah yang dahulunya.

(3) Seseorang majikan yang menurut suatu perintah tahanan pendapatan tenaga, membuat suatu pembayaran di bawah Perintah ini hendaklah memberi kepada pihak kena tuntut itu suatu penyata bertulis menyatakan jumlah wang yang dibayar itu.

(4) Jika orang yang dikenakan suatu perintah tahanan pendapatan tenaga telah, dalam tempoh sebulan yang akhir sebelum hari perintah itu disampaikan kepadanya, tidak pada bila-bila masa menjadi majikan pihak kena tuntut itu, dia hendaklah dengan serta-merta memberi notis bertulis menyatakan demikian itu dalam borang yang ditetapkan kepada Mahkamah.

BAHAGIAN VII**PENJAGAAN****Penjagaan (*hadanah*) kanak-kanak**

88. (1) Tertakluk kepada bab 89, ibu adalah orang yang paling layak bagi menjaga kanak-kanak yang belum *mumaiyiz* dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

Orang-orang yang berhak menjaga seseorang kanak-kanak belum *mumaiyiz*.

(2) Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah *Hukum Syara'* dari mempunyai hak penjagaan anak-anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada ceraian (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang mengikut susunan keutamaan yang berikut —

- (a) nenek perempuan sebelah ibu dan ke atas;
- (b) nenek perempuan sebelah bapa dan ke atas;
- (c) saudara perempuan seibu sebapa;
- (d) saudara perempuan sebapa;
- (e) saudara perempuan seibu;
- (f) emak saudara seibu sebapa sebelah ibu;
- (g) emak saudara sebapa sebelah ibu;
- (h) emak saudara seibu sebelah ibu;
- (i) anak perempuan bagi saudara perempuan;
- (j) anak perempuan bagi saudara lelaki;
- (k) emak saudara sebelah bapa;
- (l) emak saudara bagi bapa iaitu saudara perempuan kepada nenek lelaki anak tersebut,

dan jika tiada didapati penjaga (*hadinah*) seperti disebutkan di atas, hak penjagaan berpindah kepada pihak lelaki berikut —

- (a) bapa;

(b) nenek lelaki iaitu bapa kepada bapa kanak-kanak tersebut hingga ke atas;

(c) saudara lelaki dan ke bawah;

(d) bapa saudara dan ke bawah;

(e) dan seterusnya mengikut susunan *wali* pernikahan.

(3) Tiada lelaki berhak menjaga seseorang kanak-kanak perempuan melainkan jika lelaki itu adalah seorang *mahram*, iaitu dia mempunyai pertalian dengan kanak-kanak perempuan itu dalam mana dia dilarang berkahwin dengannya.

(4) Tertakluk kepada bab-bab 91 dan 93, jika ada beberapa orang dari keturunan atau peringkat yang sama, kesemuanya sama-sama berkelayakan dan sanggup menjaga kanak-kanak itu, penjagaan hendaklah diamanahkan kepada orang yang mempunyai sifat-sifat paling mulia yang menunjukkan perasaan paling kasih sayang kepada kanak-kanak itu dan jika kesemuanya sama-sama mempunyai sifat kemuliaan, maka yang tertua antara mereka adalah berhak mendapat keutamaan.

Kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan.

89. Seseorang yang mempunyai hak terhadap penjagaan seseorang kanak-kanak, adalah layak menjalankan hak itu jika —

(a) dia adalah seorang Islam;

(b) dia adalah sempurna akal;

(c) dia tidak mempunyai penyakit yang berpanjangan yang dia sendiri tidak boleh mentadbir dirinya sendiri atau sedang menghidap penyakit seperti kusta atau vitiligo atau sindrom kekurangan daya tahan (AIDS) atau pembawa kuman HIV atau penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit;

(d) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;

(e) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan

(f) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak akan menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

90. Hak seseorang perempuan terhadap penjagaan hilang —

Bagaimana
hak penjagaan
hilang.

- (a) jika perempuan itu berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu dalam mana lelaki itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, tetapi hak penjagaan kembali semula apabila perkahwinan itu dibubarkan;
- (b) jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- (c) jika perempuan itu menukar tempat *mastautinnya* dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu, kecuali bahawa seseorang isteri yang bercerai boleh membawa anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- (d) jika perempuan itu murtad;
- (e) jika perempuan itu mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu.

91. (1) Jika seseorang perempuan hilang hak penjagaan, maka hak penjagaan tersebut berpindah kepada bapa.

Cara
penjagaan.

(2) Jika kanak-kanak itu telah mencapai umur *mumaiyiz*, maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

92. Penjagaan kanak-kanak yang tidak sah taraf adalah pada ibu dan saudara-mara ibunya itu, walau bagaimanapun Mahkamah boleh menyerahkan kanak-kanak tersebut kepada mana-mana pihak yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah dengan mengambil kira kebijakan, penjagaan dan pendidikan kanak-kanak tersebut.

Penjagaan
kanak-kanak
tidak sah taraf.

93. (1) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1) bab 88, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah meletakkan seseorang kanak-kanak dalam jagaan salah seorang daripada orang-orang yang disebutkan dalam ceraian (2) bab 88 atau, jika ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan kanak-kanak itu tidak sesuai diamanahkan kepada salah seorang daripada orang-orang itu, Mahkamah boleh dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan institusi atau persatuan yang tujuan-tujuannya termasuk maslahah kanak-kanak atau orang-orang lain yang sesuai menurut pendapat Mahkamah.

Kuasa
Mahkamah
untuk
membuat
perintah
penjagaan.

(2) Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan utama ialah maslahah kanak-kanak itu dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) kemahuan ibu bapa kanak-kanak itu; dan

(b) kemahuan kanak-kanak itu, jika dia dalam perumuran yang dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.

(3) Adalah menjadi suatu anggapan yang boleh dipatahkan bahawa demi kebaikan seseorang kanak-kanak dalam masa dia kecil supaya berada bersama ibunya, tetapi pada memutuskan sama ada anggapan itu dipakai bagi fakta-fakta sesuatu kes tertentu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada tidak baiknya mengganggu kehidupan seseorang kanak-kanak dengan bertukar-tukarnya jagaan.

(4) Jika ada dua orang kanak-kanak atau lebih dari sesuatu perkahwinan, Mahkamah tidaklah terikat meletakkan kedua-dua atau kesemuanya dalam jagaan orang yang sama tetapi hendaklah menimbangkan maslahah tiap-tiap seorang secara berasingan.

(5) Jika didapati perlu, Mahkamah boleh membuat sesuatu perintah sementara yang meletakkan seorang kanak-kanak itu di dalam jagaan mana-mana orang atau institusi atau persatuan atau orang-orang lain yang sesuai menurut pendapat Mahkamah dan perintah itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga suatu perintah Mahkamah dibuat atas permohonan untuk penjagaan itu.

**Perintah
tertakluk
kepada
syarat-syarat.**

94. (1) Sesuatu perintah penjagaan boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Mahkamah dan, tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, sebagaimana yang mungkin dikenakan dari masa ke semasa, memberikan hak kepada orang yang diberi penjagaan itu untuk memutuskan semua persoalan berhubung dengan kebijakan, asuhan, pendidikan dan pelajaran kanak-kanak itu.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan makna ceraian (1), sesuatu perintah penjagaan boleh —

(a) mengandungi syarat-syarat tentang tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal dan cara pelajarannya;

(b) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu berada buat sementara dalam pemeliharaan dan kawalan seseorang selain daripada orang yang diberi penjagaan itu;

(c) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu melawat ibu atau bapa kanak-kanak yang tidak diberi hak penjagaan atau mana-mana ahli dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi hak penjagaan pada masa-masa dan bagi tempoh-tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;

(d) memberi kepada ibu atau bapa kanak-kanak yang tidak diberi hak penjagaan atau mana-mana ahli keluarga ibu atau bapa kanak-kanak yang telah mati atau tidak diberi hak penjagaan, hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan dengan seberapa kerap yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah; atau

(e) melarang orang yang diberi penjagaan itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Negara Brunei Darussalam.

Penjagaan Orang dan Harta

95. (1) Sungguhpun hak terhadap penjagaan kanak-kanak itu mungkin terletak pada orang lain, bapa adalah penjaga hakiki yang pertama dan utama bagi diri dan harta anaknya yang belum cukup umur dan jika bapa telah mati, maka hak di sisi undang-undang bagi menjaga anaknya turun kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut —

Orang-orang yang berhak terhadap penjagaan.

(a) datuk lelaki di sebelah bapa;

(b) wasi bapa atau wasi datuk (tertakluk kepada siapa di antara bapa atau datuk yang terkemudian meninggal dunia);

(c) wasi bagi wasi bapa atau wasi bagi wasi datuk (jika ada keizinan daripada wasi);

(d) Hakim atau orang yang diamanahkan oleh Hakim;

dengan syarat bahawa dia adalah seorang Islam, orang dewasa, siuman dan boleh dipercayai.

(2) Seorang bapa hendaklah, pada setiap masa mempunyai kuasa paling luas untuk membuat melalui wasiat perkiraan yang difikirkannya baik sekali berhubung dengan penjagaan anak-anaknya yang belum cukup umur dan perlindungan kepentingan-kepentingan mereka, dengan syarat bahawa dia siuman sepenuhnya.

(3) Ceraian (1) hendaklah tidak dikenakan jika had dan syarat-syarat suratcara yang meletakkan harta pada kanak-kanak yang

belum cukup umur itu dengan jelas tidak membenarkan orang-orang yang disebutkan di dalamnya daripada menjalankan penjagaan ke atas harta itu, dan dalam hal yang demikian Mahkamah hendaklah melantik seorang penjaga bagi harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

(4) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan di atas, maslahah kanak-kanak hendaklah diutamakan dalam menentukan penjagaan kanak-kanak dan hartanya.

**Kuasa ke atas
harta tak alih
dan harta alih.**

96. (1) Tertakluk kepada bab 102, berkenaan dengan harta tak alih, seseorang penjaga di sisi undang-undang tidak mempunyai kuasa untuk menjual, kecuali dalam hal-hal yang berikut —

(a) jika kanak-kanak yang belum cukup umur itu tidak mempunyai apa-apa pendapatan lain, dan penjualan itu adalah benar-benar perlu untuk menanggung nafkahnya, dan kanak-kanak yang belum cukup umur itu tidak mempunyai apa-apa harta lain;

(b) jika harta itu perlu dijual bagi maksud menjelaskan hutang pewasiat yang tidak dapat diselesaikan jika harta itu tidak dijual;

(c) jika ada sesuatu peruntukan am dalam wasiat pewasiat itu yang tidak dapat dikuatkuasakan dengan tidak dijual harta itu;

(d) jika pendapatan yang terkumpul dari harta pusaka itu tidak mencukupi untuk membayar perbelanjaan yang telah dilakukan dalam menguruskannya dan untuk membayar apa-apa bayaran yang dikenakan ke atas tanah;

(e) jika harta itu sedang diancam oleh kemusnahan atau binasa;

(f) jika harta itu ada dalam tangan orang yang tidak berhak kepadanya, dan penjaga itu ada sebab bagi mengkhawatir bahawa tidak ada peluang bagi mendapatkan balik secara yang saksama; atau

(g) dalam sebarang hal lain, jika harta itu benar-benar perlu dijual atas alasan-alasan lain yang dibenarkan oleh *Hukum Syara'* dan penjualan itu adalah nyata atau jelas sekali untuk faedah kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

(2) Berkenaan dengan harta alih, seseorang penjaga di sisi undang-undang hendaklah mempunyai kuasa untuk menjual atau

mencagarkan barang-barang dan harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu, jika dia berkehendakkan keperluan-keperluan yang mustahak, seperti makanan, pakaian dan asuhan; dan jika harta alih seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur itu adalah dijual dengan ikhlas dan jujur bagi sesuatu balasan yang memadai dengan tujuan untuk melaburkan hasil jualan itu dengan selamat dan untuk memperolehi pendapatan tambahan, maka penjualan harta itu hendaklah dikira sebagai sah.

97. (1) Jika tidak ada penjaga di sisi undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 94, maka kewajipan bagi melantik seseorang penjaga untuk memperlindungi dan memelihara harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu terletak ke atas Mahkamah dan pada membuat sesuatu perlantikan, Mahkamah hendaklah terutama sekali memberi pertimbangan-pertimbangan kepada maslahah kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

Perlantikan penjaga-penjaga oleh Mahkamah.

(2) Pada menimbangkan apakah akan menjadi maslahah bagi kanak-kanak yang belum cukup umur itu, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang umur dan jantina, watak dan keupayaan penjaga yang dicadangkan, bagaimana qaribnya persaudaraan penjaga yang dicadangkan, kemahuan-kemahuan ibu bapanya yang telah mati, jika ada, dan apa-apa hubungan penjaga yang dicadangkan yang sedia ada dan yang dahulu dengan kanak-kanak yang belum cukup umur atau dengan hartanya; dan jika kanak-kanak yang belum cukup umur itu telah mencapai umur membolehkannya untuk membuat sesuatu pilihan yang bijak, maka Mahkamah boleh menimbangkan pilihannya itu.

98. Seseorang ibu boleh dilantik dengan sah menjadi wasi bagi bapa dan dalam hal yang demikian, ibu itu boleh menjalankan kuasa-kuasanya sebagai penjaga melalui wasiat atau, jika tidak ada seorang penjaga di sisi undang-undang, dia boleh dilantik sebagai penjaga di sisi undang-undang oleh Mahkamah.

Perlantikan ibu sebagai penjaga melalui wasiat.

99. Jika Mahkamah melantik ibu menjadi penjaga, Mahkamah boleh juga melantik seorang lain menjadi penjaga sama ada bagi diri atau harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu atau kedua-duanya, untuk bertindak bersama dengan ibu itu.

Penjaga bersama dengan ibu.

100. Dalam melantik seorang penjaga bagi harta seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur, Mahkamah boleh dengan perintah, menentukan, menyekat, atau memperluaskan kuasa penjaga itu berhubung dengan harta tersebut, setakat mana yang perlu bagi maslahah kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

Perubahan kuasa penjaga harta.

101. Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan sebab-sebab yang wajar memberhentikan seseorang penjaga yang dilantik di bawah

Pemberhentian penjaga.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bahagian ini dan boleh melantik orang lain menjadi penjaga untuk menggantikannya.

Had kuasa bagi penjaga yang dilantik oleh Mahkamah.

102. (1) Seseorang penjaga bagi harta seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur yang dilantik oleh Mahkamah tidaklah boleh, tanpa kebenaran Mahkamah —

(a) menjual, mengadai, mengadai-janji, menukar, atau-pun dengan cara lain melepaskan milik harta alih atau harta tak alih kanak-kanak yang belum cukup umur itu; atau

(b) memajakkan atau menyewakan mana-mana tanah kepunyaan kanak-kanak yang belum cukup umur itu selama suatu tempoh melebihi satu tahun.

(2) Apa-apa pelupusan harta seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur dengan melanggar bab ini boleh ditetapkan sebagai tidak sah dan atas penetapan itu Mahkamah boleh membuat perintah yang pada pendapatnya perlu untuk mengembalikan harta yang dilupuskan itu kepada kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

(3) Mahkamah tidaklah boleh membuat perintah di bawah ceraian (1) melainkan jika perlu atau baik bagi kepentingan kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

Penjaga tidak boleh memberi akuan penyelesaian mengenai harta modal.

103. Seseorang penjaga bagi harta seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur yang dilantik oleh Mahkamah tidaklah boleh, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya dalam sesuatu hal, diberi kuasa untuk memberi akuan penyelesaian yang sewajarnya bagi apa-apa legasi (harta peninggalan) atau apa-apa wang modal lain yang kena dibayar kepada atau boleh diterima oleh kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

Penjaga boleh menanggung kanak-kanak yang belum cukup umur dari pendapatan.

104. (1) Seseorang penjaga bagi harta seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur yang dilantik oleh Mahkamah boleh membuat peruntukan yang berpatutan dari pendapatan harta itu untuk menanggung nafkah dan pelajaran kanak-kanak yang belum cukup umur itu memandang kepada taraf kehidupan kanak-kanak itu, tetapi tidak boleh digunakan lebih daripada satu ribu ringgit sebulan tanpa kebenaran Mahkamah.

(2) Jika pendapatan dari harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu yang ada dalam tangan penjaga itu tidak mencukupi bagi maksud tersebut, atau wang adalah dikehendaki untuk kemajuan kanak-kanak yang belum cukup umur tersebut, maka Mahkamah boleh memerintahkan supaya peruntukan bagi maksud itu diadakan dari harta modal tersebut dan, bagi maksud itu,

Mahkamah boleh membenarkan supaya mana-mana bahagian harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu dijual, digadai atau digadai-janji dan memberi arahan mengenainya sebagaimana yang mungkin perlu bagi kepentingan kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

105. (1) Jika didapati taraf kehidupan seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur dan nilai hartanya dan kepada segala hal keadaan kes ini, adalah didapati bermanfaat supaya harta modal kanak-kanak yang belum cukup umur itu digunakan bagi menanggung nafkah, pelajaran, atau kemajuannya supaya mengelakkan belanja bagi membuat permohonan kepada Mahkamah, maka Mahkamah, daripada melantik seorang penjaga bagi harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu, boleh memerintahkan supaya segala harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu, apa pun jenisnya, diletakkan dalam tangan seseorang yang akan dilantik oleh Mahkamah, dengan kuasa untuk membuat apa-apa urusan dan untuk menggunakan harta itu bagi maksud yang tersebut di atas menurut budibicaranya sendiri dan dalam hal yang demikian resit daripada orang yang dilantik itu adalah menjadi akuan penyelesaian yang sewajarnya bagi sesiapa jua yang membuat apa-apa pembayaran atau pindahmilik apa-apa harta kepada orang yang dilantik itu bagi pihak kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

Perintah khas dalam hal harta.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah ceraian (1) boleh diperintahkan oleh Mahkamah supaya mengemukakan suatu keterangan mengenai urusan-urusan yang dibuat olehnya tentang harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

(3) Mahkamah boleh, kerana sesuatu sebab yang memadai, melepaskan apa-apa perintah atau membatakan apa-apa perlantikan yang dibuat di bawah ceraian (1) dan boleh melantik orang lain dengan kuasa yang sama atau apa-apa kuasa yang lebih besar atau kurang sebagaimana yang mungkin pada pendapatnya patut, atau boleh melantik seorang penjaga bagi harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

106. Seseorang penjaga boleh memohon kepada Mahkamah untuk meminta pendapat, nasihat atau budibicaranya atas apa-apa persoalan mengenai pengurusan atau pentadbiran harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

Permohonan untuk meminta pendapat dan sebagainya.

107. (1) Tanpa menghiraukan peruntukan-peruntukan bab 95, Mahkamah boleh, jika difikirkannya perlu, membuat suatu perintah yang melarang bapa atau datuk lelaki di sebelah bapa seorang kanak-kanak yang belum cukup umur atau wasi-wasi mereka masing-masing dari menjual, menggadai, menggadai-janji, menukar ataupun dengan cara lain melepaskan milik mana-mana harta alih tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Mahkamah.

Perintah larangan oleh Mahkamah.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Seseorang penjaga di sisi undang-undang bagi harta seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur yang dilantik oleh Mahkamah, tidaklah boleh tanpa kebenaran Mahkamah, menjual, menggadai, menukar, ataupun dengan cara lain melepaskan milik mana-mana harta tak alih kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

(3) Apa-apa pelupusan harta seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur yang bersalah dengan sebarang perintah yang dibuat di bawah bab ini boleh diisyiharkan sebagai tidak sah, dan atas pengisyiharan itu Mahkamah boleh membuat perintah yang pada pendapatnya perlu untuk mengembalikan harta yang dilupuskan itu kepada kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

(4) Mahkamah tidaklah boleh membuat apa-apa perintah di bawah ceraian-ceraian (1) dan (2) melainkan jika perlu atau baik bagi kepentingan kanak-kanak yang belum cukup umur itu.

Penjaga bagi anak yatim.

108. Jika bapa dan datuk lelaki seseorang kanak-kanak yang belum cukup umur telah mati tanpa melantik seorang penjaga melalui wasiat, mana-mana penghulu, ketua kampung, pegawai masjid, mana-mana pekerja awam yang berkenaan atau mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak yang belum cukup umur itu, boleh menyebabkan kanak-kanak yang belum cukup umur itu dibawa di hadapan Mahkamah dan Mahkamah boleh melantik seorang penjaga sama ada bagi dirinya, bagi harta kanak-kanak yang belum cukup umur itu atau kedua-duanya.

Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang nasihat pegawai-pegawai kebijakan dan sebagainya.

109. Apabila menimbangkan apa-apa persoalan berhubung dengan penjagaan atau nafkah seseorang kanak-kanak, Mahkamah hendaklah, bila-bila dapat dilaksanakan, menerima nasihat seseorang, sama ada pegawai awam atau bukan, yang terlatih atau berpengalaman dalam maslahah kanak-kanak tetapi Mahkamah tidaklah terikat untuk mengikut nasihat itu.

Kuasa Mahkamah untuk menghalang kanak-kanak di bawa keluar dari Negara Brunei Darussalam.

110. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan bapa atau ibu seseorang kanak-kanak —

(a) jika sesuatu perbicaraan hal ehwal suami isteri belum selesai; atau

(b) jika, di bawah sesuatu perjanjian atau perintah Mahkamah, hanya ibu sahaja atau bapa sahaja ada mempunyai jagaan ke atas kanak-kanak itu manakala yang seorang lagi tidak ada mempunyai jagaan,

mengeluarkan suatu tegahan yang menghalang pihak yang satu lagi itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Negara Brunei Darussalam atau Mahkamah boleh membenarkan kanak-kanak itu dibawa keluar dari Negara Brunei Darussalam dengan syarat setelah Mahkamah mengambil kira dan mendengar pendapat orang-orang yang berkepentingan mengenai penjagaan kanak-kanak itu dan mengambil kira kebijakan, pendidikan dan aqidah bagi kanak-kanak itu.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang berkepentingan, mengeluarkan suatu tegahan yang menghalang seseorang lain daripada orang yang ada mempunyai jagaan ke atas kanak-kanak itu, daripada membawa seseorang kanak-kanak keluar dari Negara Brunei Darussalam.

Relief-Relief Lain

III. (1) Jika —

(a) sesuatu perbicaraan hal ehwal suami isteri belum selesai; atau

(b) sesuatu perintah telah dibuat di bawah bab-bab 57, 61 atau 76 dan belum dibatalkan; atau

(c) nafkah kena dibayar di bawah sesuatu perjanjian kepada atau untuk faedah seseorang isteri atau bekas isteri atau anak,

Kuasa
Mahkamah
untuk
mengenepikan
dan menahan
pelupusan-
pelupusan
yang
dimaksudkan
untuk
menggagalkan
tuntutan-
tuntutan
nafkah.

Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan —

- (i) jika Mahkamah berpuas hati bahawa apa-apa pelupusan harta telah dilakukan oleh suami atau bekas suami atau ibu atau bapa bagi orang yang membuat permohonan itu atau yang bagi pihaknya permohonan itu dibuat, dalam masa tiga tahun sebelumnya, dengan tujuan di pihak orang yang melakukan pelupusan itu hendak mengurangkan kemampuannya untuk membayar nafkah atau kemampuan suami itu untuk membayar nafkah atau kemampuan suami itu untuk membayar *mut'ah* atau hendak melucutkan isterinya daripada mendapat apa-apa hak berhubungan dengan harta itu, tertakluk kepada ceraian (2), untuk menghendaki orang yang membuat pelupusan itu supaya membatalkan pelupusan itu; dan

(ii) jika Mahkamah berpuas hati bahawa sesuatu pelupusan harta dicadangkan hendak dilakukan dengan sesuatu tujuan yang dinyatakan dalam perenggan kecil (i) ceraian ini, untuk memberi suatu tegahan yang menghalang pelupusan itu.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini —

"harta" bermakna apa-apa jenis harta, alih atau tak alih, dan termasuklah wang;

"pelupusan" termasuklah sesuatu penjualan, pemberian, pajakan, gadai-janji atau apa-apa transaksi lain di mana kepunyaan atau pemilikan harta itu dipindahmilik atau dibebankan tetapi tidak termasuk sesuatu pelupusan yang dilakukan kerana wang atau sesuatu yang boleh dinilai dengan wang kepada atau untuk faedah seseorang yang bertindak dengan suci hati dan dengan tidak mengetahui tujuan pelupusan itu dilakukan..

Tegahan terhadap gangguan.

112. Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa dalam masa perbicaraan hal ehwal suami isteri yang masih belum selesai atau pada atau selepas pemberian sesuatu perintah perceraian, *fasakh* atau pembatalan untuk memerintahkan seseorang supaya menahan dirinya dari mengganggu atau menceroboh dengan apa-apa cara pun ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isterinya atau keluarga kedua-dua belah pihak.

BAHAGIAN VIII

RAMPAIAN

Perintah Kesahtaranan Anak

Orang yang dikaitkan sebagai bapa.

113. Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih enam bulan *qamariah* dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun *qamariah* selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara *li'an*, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.

Kelahiran lebih daripada empat tahun selepas pembubaran perkahwinan.

114. Jika anak itu dilahirkan lebih daripada empat tahun *qamariah* selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, lelaki itu tidaklah boleh disifatkan sebagai bapa kepada anak itu melainkan jika lelaki itu atau

mana-mana warisnya mengakui bahawa anak itu adalah anak lelaki itu.

115. Jika seseorang lelaki telah melakukan persetubuhan *syubhah* dengan seseorang perempuan dan kemudiannya perempuan itu melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan *qamariah* hingga empat tahun *qamariah* selepas persetubuhan itu, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa kepada anak itu.

Persetubuhan
syubhah.

116. (1) Jika seseorang lelaki mengakui seseorang lain, sama ada dengan nyata atau dengan tersirat sebagai anaknya yang sah, lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa kepada anak itu jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi —

Syarat-syarat
bagi
pengakuan
yang sah.

(a) tiada orang lain disifatkan sebagai bapa kepada anak itu;

(b) perbezaan antara umur lelaki itu dengan umur anak itu memunasabahkan pertalian antara mereka sebagai bapa dan anak;

(c) jika anak itu telah *akil baligh*, dan anak itu telah mempersetujui tentang dianya diakui sebagai anak kepada lelaki itu;

(d) lelaki dan ibu anak itu mungkin boleh dikahwinkan dengan sah dalam perkahwinan pada masa pemberian;

(e) pengakuan itu bukan semata-mata mengakui anak itu sebagai anaknya sahaja, bahkan mengakui anak itu sebagai anak sahtarafnya;

(f) lelaki itu adalah berkeupayaan untuk membuat sesuatu akad;

(g) pengakuan itu dibuat dengan tujuan yang nyata untuk memberi taraf kesahtaran; dan

(h) pengakuan itu adalah jelas maksudnya dan anak itu diakui sebagai anak kandungnya.

(2) Di dalam bab ini, "*akil baligh*" bermakna seseorang yang berakal dan yang cukup umur mengikut *Hukum Syara'*.

117. Anggapan yang berbangkit dari pengakuan yang dibuat oleh seseorang bahawa dia adalah bapa kepada seseorang yang diakuinya sebagai anak boleh dipatahkan hanya dengan —

Anggapan dari
pengakuan
boleh
dipatahkan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(a) penolakan di pihak orang yang telah diakui sebagai anak itu;

(b) bukti bahawa perbezaan umur antara pihak yang mengaku dan pihak yang diakui adalah sebegitu kecil atau umur pihak yang diakui adalah sebegitu tinggi hingga menyebabkan pertalian yang dikatakan itu tidak munasabah dari segi fizikal;

(c) bukti bahawa pihak yang diakui itu adalah sebenarnya anak orang lain; atau

(d) bukti bahawa ibu anak itu tidak mungkin menjadi isteri yang sah kepada pihak yang mengaku pada masa percantuman benih anak itu.

Pengakuan oleh perempuan yang berkahwin atau yang sedang dalam 'iddah'.

118. Jika orang yang membuat pengakuan adalah seorang perempuan yang berkahwin atau yang sedang dalam '*iddah*', suami perempuan itu tidaklah boleh disifatkan sebagai bapa kepada orang yang diakui itu melainkan jika pengakuan perempuan itu disahkan oleh suaminya atau disahkan dengan keterangan.

Mengakui orang lain sebagai ibu atau bapa.

119. Jika seseorang mengakui orang lain sebagai ibu atau bapanya, maka pengakuan itu, jika dipersetujui atau disahkan oleh orang yang diakui itu, sama ada dalam masa hayat atau selepas kematian orang yang mengakui itu, hendaklah menjadi suatu perkeluargaan yang sah, setakat mana perhubungan di antara bapa atau ibu dengan anak itu sahaja, dengan syarat bahawa memandangkan kepada umur orang yang membuat pengakuan itu dan umur orang yang diakui itu maka adalah munasabah orang yang diakui itu menjadi ibu atau bapa kepada orang yang mengakui sedemikian.

Pengakuan tidak boleh dibatalkan.

120. Sesudah sahaja suatu pengakuan atau pengesahan dibuat tentang pertalian sebagai bapa dan anak atau tentang perkeluargaan atau persaudaraan, maka pengakuan atau pengesahan itu tidaklah boleh dibatalkan.

Perintah Supaya Hidup Bersama Semula

Permohonan untuk hidup bersama semula.

121. Jika seseorang tidak lagi hidup bersama dengan suami atau isterinya mengikut cara yang dikehendaki oleh *Hukum Syara'*, suami atau isteri itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah supaya orang itu hidup bersama semula.

Rayuan

122. Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Mahkamah, Hakim Syar'ie atau Pendaftar di bawah Perintah ini boleh merayu mengikut prosedur yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang berkenaan dengan prosedur sivil dan jenayah di Mahkamah Syariah.

Rayuan.

BAHAGIAN IX

HUKUMAN

123. Seseorang lelaki yang berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Hakim Syar'ie adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Poligami tanpa
kebenaran
Mahkamah.

124. Seseorang lelaki yang menceraikan isterinya dengan melafazkan *talaq* dengan apa-apa bentuk di luar Mahkamah tanpa kebenaran Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Perceraian
di luar
Mahkamah
tanpa
kebenaran
Mahkamah.

125. (1) Seseorang berkewajipan untuk membuat suatu laporan di bawah Perintah ini dengan sengaja cuai atau tidak berbuat demikian, maka adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Tidak
membuat
laporan.

(2) Seseorang yang kewajipan untuk membuat sesuatu laporan atau dikehendaki mengemukakan sesuatu permohonan di bawah Perintah ini atau dikehendaki memberi sesuatu maklumat atau menyempurnakan atau menandatangani apa-apa dokumen yang perlu di sisi undang-undang bagi maksud melaksanakan pendaftaran dokumen itu dengan sengaja cuai atau tidak membuat laporan itu atau mematuhi kehendak itu adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

126. Seseorang yang memberi secara lisan atau bertulis kepada Pendaftar pernyataan atau akuan yang salah berkaitan dengan mana-mana perkara yang hendak direkod atau didaftarkan oleh Pendaftar mengikut kehendak peruntukan Perintah ini yang diketahuinya sebagai palsu atau dia mempunyai sebab untuk mempercayainya

Laporan palsu.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Meninggalkan suami atau isteri.

127. Seseorang suami atau isteri setelah diperintahkan oleh Mahkamah supaya hidup bersama semula dengan isteri atau suaminya dengan sengaja tidak mematuhi perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Menganiaya suami atau isteri.

128. (1) Seseorang yang menganiaya suami atau isterinya adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang suami atau isteri yang melucutkan harta isteri atau suaminya dengan cara tipuan adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan harta atau jika harta itu tidak ada, nilainya, dikembalikan kepada suami atau isteri itu mengikut *Hukum Syara'*.

Tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri.

129. Seseorang suami yang tidak memberi keadilan sewajarnya kepada isteri mengikut *Hukum Syara'* adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Isteri tidak taat.

130. Isteri yang sengaja ingkar akan perintah suaminya mengikut *Hukum Syara'* setelah dinasihatkan oleh Hakim Syar'ie adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Jadi murtad untuk membatalkan perkahwinan.

131. Seseorang yang tidak suka akan suami atau isterinya dan dengan perdayaan menjadikan dirinya murtad untuk membatalkan perkahwinannya adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum penjara tidak melebihi lima tahun.

Bersekedudukan di antara orang-orang yang berceraian.

132. (1) Seseorang lelaki setelah sah menceraikan isterinya bersekedudukan semula semasa masih dalam 'iddah sebagai suami isteri dengan tidak melafazkan *ruju'* yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum

denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika isterinya tidak tahu pada masa persekedudukan semula tentang berlakunya perceraian itu, maka lelaki itu adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Seseorang yang bersubahat melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

133. Dengan tidak menjelaskan hak mana-mana orang yang mempunyai kepentingan di bawah sebarang perintah yang dibuat di bawah Perintah ini untuk menguatkuasakan perintah tersebut di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang lain, Mahkamah yang telah membuat perintah itu, dalam hal kegagalan dengan sengaja untuk mematuhi, boleh, jika perintah itu menghendaki pembayaran apa-apa jumlah, mengarahkan jumlah yang kena dibayar itu dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melevi denda yang dikenakan oleh Mahkamah atau boleh menjatuhkan hukuman ke atas orang yang dengan sengaja gagal mematuhi, jika perintah itu adalah untuk pembayaran bagi tiap-tiap bulan, penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran bulanan yang masih belum dibayar, atau jika perintah itu adalah bagi pembayaran selain dari bayaran bulanan, penjara tidak melebihi satu tahun.

Kegagalan dengan sengaja untuk mematuhi perintah.

134. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang lain, kegagalan mematuhi sesuatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah Perintah ini adalah dianggap sebagai suatu penghinaan terhadap Mahkamah dan hendaklah jika disabitkan kesalahan dikenakan denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Penghinaan terhadap Mahkamah.

135. Seseorang yang menikahkan atau membuat sebarang peraturan menikahkan suatu perkahwinan dengan melanggar peruntukan-peruntukan Perintah ini atau dengan sengaja menjalankan sebarang perkahwinan yang tidak sah mengikut peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Perkahwinan dengan melanggar Perintah ini.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Hukuman kerana tidak mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga, dsb.**
136. (1) Seseorang yang —
- (a) tidak mematuhi ceraian-ceraian (1) atau (3) bab 87;
- (b) tidak memberi suatu notis sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (4) bab 87; atau
- (c) dengan cuai memberi suatu notis atau pernyataan palsu mengenai sesuatu perkara yang mustahak,
- adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah, tertakluk kepada ceraian (2), dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- (2) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dituduh kerana tidak mematuhi ceraian (1) bab 87 untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang patut bagi mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga itu.
- Gagal melaksanakan perjanjian.**
137. Seseorang yang dengan tiada sebab yang munasabah gagal melaksanakan apa-apa perjanjian yang wajib dipatuhi dalam mana-mana perkara berhubung dengan atau berbangkit dari Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
- Percubaan dan persubhatan.**
138. Sesiapa yang cuba melakukan atau berubah-ubah melakukan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.
- Hukuman yang tidak diperuntukkan.**
139. (1) Seseorang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang arahan yang diberikan atau kehendak yang dikenakan di bawahnya di mana tiada hukuman khas diperuntukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
- (2) Hukuman penjara boleh dijatuhkan jika denda yang dikenakan di bawah Perintah ini tidak dibayar tetapi hukuman penjara itu tidaklah boleh melebihi separuh daripada hukuman penjara yang diperuntukkan bagi kesalahan itu atau tujuh hari jika kesalahan itu boleh dihukum dengan denda sahaja.

BAHAGIAN X

AM

140. (1) Jika Pendaftar berpuas hati melalui akuan bertulis ataupun dengan cara lain bahawa sesuatu catatan berhubungan dengan sesuatu perkahwinan, perceraian, pembatalan atau *ruju'* adalah silap pada bentuk atau isinya, dia boleh, di hadapan orang-orang yang bernikah, bercerai, *ruju'* atau dibatal pernikahannya atau jika mereka tidak ada, di hadapan dua orang saksi yang boleh dipercayai, membetulkan kesilapan itu dengan memotong catatan itu dan membuat catatan yang betul dan ia hendaklah selepas itu mengarahkan supaya catatan dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* tempatan dibetulkan mengikut cara yang sama.

Membetulkan
kesilapan-
kesilapan.

(2) Pendaftar hendaklah menandatangani dan mentarikhkan pembetulan yang dibuat dalam sijil-sijil nikah, cerai, pembatalan atau *ruju'* dan Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* tempatan.

(3) Tiap-tiap catatan yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah diakusaksi oleh saksi-saksi yang di hadapannya catatan itu dibuat.

(4) Satu salinan pembetulan yang diperakui itu hendaklah dihantar dengan segera kepada Ketua Pendaftar supaya suatu pembetulan yang serupa dibuat dalam Daftar Perkahwinan atau Daftar Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* yang disimpan olehnya.

141. (1) Tiap-tiap daftar dan indeks perkahwinan, perceraian, pembatalan dan *ruju'* yang disimpan oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar di bawah Perintah ini hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh mana-mana orang setelah bayaran yang ditetapkan dibayar.

Pemeriksaan
daftar dan
indeks.

(2) Ketua Pendaftar atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, memberi satu salinan catatan dalam daftar dan indeks perkahwinan, perceraian, pembatalan dan *ruju'* yang diperakui dengan tandatangan dan meterai jawatan Ketua Pendaftar atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada seseorang yang menghendakinya.

142. Tiap-tiap Daftar Perkahwinan dan Daftar Perceraian, Pembatalan dan *Ruju'* yang disimpan oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar di bawah Perintah ini dan sesuatu salinan apa-apa catatan di dalamnya, yang diperakui dengan tandatangan dan meterai jawatannya sebagai satu salinan atau cabutan yang benar, adalah menjadi keterangan *prima-facie* dalam semua Mahkamah dan

Bukti.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

tribunal mengenai tarikh-tarikh dan perbuatan-perbuatan yang terkandung atau dinyatakan dalam Daftar Perkahwinan, Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju' atau salinan itu.

Kuasa untuk membuat aturan-aturan.

143. (1) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk mengawal amalan dan prosedur dalam semua perbicaraan di bawah Perintah ini sebagaimana yang difikirkan olehnya bermanfaat dan aturan-aturan untuk menetapkan dan mengawal bayaran-bayaran dan kos yang kena dibayar dalam semua perbicaraan itu; tertakluk kepada aturan-aturan tersebut, semua perbicaraan di bawah Perintah ini hendaklah dikawal dengan amalan dan prosedur Mahkamah yang ditetapkan oleh Akta, setakat mana amalan dan prosedur itu tidak berlawanan dengan Perintah ini.

(2) Mengenai perkara amalan dan prosedur dalam perbicaraan yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini atau dalam Akta, Mahkamah boleh memakai amalan dan prosedur yang difikirkannya wajar bagi mengelakkan ketidakadilan dan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang dipersoalkan di antara pihak-pihak.

(3) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan bagi maksud Perintah ini dan, tanpa menyentuh keluasan makna yang tersebut di atas, aturan-aturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi —

(a) cara bagaimana Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam hendak menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka oleh Perintah ini;

(b) bentuk Daftar Perkahwinan, Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju' dan sijil-sijil nikah, perceraian, pembatalan dan ruju' dan cara bagaimana daftar-daftar dan sijil-sijil itu hendak disimpan;

(c) membekal dan menyimpan dengan selamat Daftar Perkahwinan, Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju', buku-buku nota Pendaftar dan segala akuan yang dibuat bagi maksud-maksud Perintah ini;

(d) menyedia dan mengemukakan penyata-penyata perkahwinan, perceraian, pembatalan dan ruju' yang didaftarkan di bawah Perintah ini;

(e) bentuk apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk ditetapkan, yang boleh dibuat dalam bahasa Melayu, bagi maksud melaksanakan Perintah ini;

(f) membuat pencarian-pencarian dan memberi salinan-salinan yang diperakui;

(g) bayaran yang boleh dikenakan bagi maksud-maksud Perintah ini;

(h) hukuman kerana melanggar atau tidak mematuhi sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini; dan

(i) perkara-perkara lain bagi maksud melaksanakan Perintah ini.

144. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Perintah ini yang berlawanan dengan *Hukum Syara'*, adalah tidak sah setakat mana ia berlawanan.

*Hukum
Syara'*
hendaklah
dikenakan jika
tiada
peruntukan.

(2) Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini Mahkamah hendaklah mengikut *Hukum Syara'*.

145. Semua aturan-aturan, perintah, notis dan borang yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut Akta yang dimansuhkan oleh Perintah ini hendaklah masih terus berkuatkuasa setakat mana ianya tidak berlawanan atau tidak digantikan oleh peruntukan Perintah ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah peruntukan Perintah ini.

Pengecualian.

146. Bahagian-bahagian VI, VII, bab-bab 175, 176, 178(1), 178(2), 179 dan 180 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi adalah dengan ini dimansuhkan.

Pemansuhan.
Penggal 77.

147. Bab 5 dari Akta Pendaftaran Perkahwinan-Perkahwinan adalah dipinda, di dalam ceraian (1), dengan memasukkan ", selain dari satu perkahwinan di mana kedua belah pihak pada masa perkahwinan tersebut menganut ugama Islam," sejurus selepas "Negara Brunei Darussalam" dalam baris kedua.

Pindaan
bab 5 dari
Penggal 124.

JADUAL

Adil	عادل
Akad	عقد
Akal	عقل
Baain Kubra	بائن کبری
Baain Sughra	بائن صغری
Baligh	بالغ
Batal	بطل
Dharar Syar'ie	ضرر شرعی
Fahisyah	فاحشة
Faraq	فرق
Fasid	فاسد
Fasakh	فسخ
Hadanah	حضانة
Hadinah	حضينة
Hakam	حكم
Hakim	حاکم
Hakim Syar'ie	حاکم شرعی
Hukum Syara'	حکم شرع
'Iddah	عدة
Ila	ایلاء
'Iwadh	عرض
Kaffarah	کفارہ
Qarib	قریب

JADUAL (Sambungan)

Qarabah	قرابة
Khulu'	خلع
Kinayah	كنية
Lafaz	لفظ
Li'an	لعان
Mastautin	مستوطن
Mukim	مقيم
Mauliah	مولية
Mazhab	مذهب
Mumaiyiz	مميز
Murtad	مرتد
Mut'ah	متعة
Nafkah	نفقة
Nasab	نسب
Nusyuz	نشوز
Qamariah	قمرية
Raj'ie	رجعي
Ruju'	رجوع
Sahih	صحيح
Sah	صح
Sarih	صحيح
Syafi'ie	شافعى
Syiqaq	شقاق

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL (Sambungan)

Syubhah	شبہة
Ta'liq	تعليق
Talaq	طلاق
Wali	ولي
Wali Hakim	ولي حاكم
Zahir	ظاهر
Zihar	ظهار

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 3 haribulan Julai, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**